

Bil. 14

**Rabu
16 April 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 (Ruangan 12)

Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1997 (Ruangan 24)

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997 (Ruangan 28)

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 (Ruangan 34)

Mac, 1997.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16 April 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN****TABUNG PEMBIAYAAN USAHAWAN
KECIL**

1. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berhubung Tabung Pembangunan Pengusaha-pengusaha Kecil:

- (a) berapa ramai pengusaha kecil telah menikmati manfaat daripada Tabung ini setiap tahun sejak diwujudkan dan mengikut peratusan, apakah jenis perniagaan yang diberi keutamaan mendapat pinjaman; dan
- (b) apakah masalah jika ada, yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam melaksanakan amanah kerajaan ini.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 71 permohonan telah pun diluluskan di bawah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (SELF) melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.475 juta. Dari segi bidang-bidangnya kementerian memberi pinjaman ini untuk semua bidang yang berpotensi, tidak ada bidang yang khusus. Dalam pada itu yang paling ramai ialah dalam bidang perniagaan am - 20%, perkhidmatan -17%, runcitan - 14%, franchisee - 11%. Itulah antara bidang-bidang utama 71 pemohon telah pun diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi masalah kerana program ini baru, maka antara masalah yang dihadapi ialah ramai daripada pemohon-pemohon yang kurang arif dengan peraturan-peraturan yang kita tetapkan. Dua masalah utama yang kita hadapi, yang pertama ialah di bawah tabung ini pemohon diperlukan untuk melalui atau menduduki satu kursus, lulus satu kursus. Kita didapati bahawa ramai di antara pemohon yang tidak mahu melalui

kursus ini. Mereka hendak supaya pinjaman diluluskan terus.

Daripada 655 orang yang kita jemput untuk menghadiri kursus, 324 orang yang hadir dan 231 orang tidak hadir. Jadi, ini merupakan masalah kepada kementerian, iaitu bilangan yang tidak hadir begitu ramai.

Masalah kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah pengeluaran pinjaman. Walaupun piagam kita menetapkan pinjaman perlu dikeluarkan dalam masa sebulan setelah diluluskan, kita dapati bank-bank mengambil masa yang lama. Kita telah menetapkan piagam sebaik sahaja permohonan dikemukakan kepada bank, maka bank hendaklah mengambil masa sebulan untuk menentukan sama ada permohonan itu lulus ataupun tidak. Jadi, ini merupakan masalah dan kita telah berhubung dengan bank dan insya-Allah bank akan memastikan permohonan dapat diproses dalam masa yang singkat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari mengikut kursus, apakah syarat-syarat lain yang dikenakan untuk menikmati pinjaman ini, dan dari 71 pinjaman yang diberikan, adakah pihak kementerian menghadapi masalah memungut balik pinjaman tersebut?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kursus ini diperlukan, wajib. Yang lain-lain syaratnya tidaklah begitu ketat. Cuma sebelum diperakukan untuk mengikut kursus, perlu ditapis oleh pihak MARA. Pihak MARA akan melawat premis berkenaan, dan jika sekiranya MARA berpuas hati, maka akan diperakukan oleh MARA untuk menghadiri kursus. Jadi, tidak ada karenah pentadbiran. Tujuan utama ditubuhkan Tabung ini ialah untuk mengelakkan karenah birokrasi.

Antara pandangan yang dikemukakan oleh usahawan ialah sukar untuk mendapat pinjaman daripada bank. Maka ini adalah salah satu cara kaedah yang kita gunakan untuk menyenangkan pemohon-pemohon mendapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana skim ini baru, maka prestasi bayarannya belumlah dapat sepenuhnya. Walau bagaimanapun, daripada 71 tadi, cuma tiga daripada pemohon yang tertunggak bayaran balik sebulan. Yang lain-lainnya setakat ini prestasi bayaran baliknya agak menggalakkan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perbezaan antara

Tabung Pembangunan Pengusaha-pengusaha Kecil dengan Tabung Pembangunan Pengusaha-pengusaha Kelas Pertengahan. Kalau tabung berkenaan belum diwujudkan, adakah pihak kementerian berhajat untuk menubuhkan tabung berkenaan dengan kerjasama bank-bank perdagangan atau Bank Pembangunan ataupun Bank Industri?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bercakap tentang perbezaan kerana tabung yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok tadi, Tabung Kelas Pertengahan belum lagi wujud. Jadi, oleh kerana belum lagi ada, tidak dapatlah saya sebut perbezaan.

Yang keduanya, mengenai sama ada ada cadangan untuk menubuhkan tabung ini, pihak kerajaan sekarang ini di peringkat terakhir untuk menimbang cadangan bagi melahirkan lebih ramai lagi golongan menengah bumiputera. Kita percaya bahawa cadangan tadi merupakan salah satu cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan.

KONGSI GELAP - PENGLIBATAN MURID SEKOLAH

2. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan murid sekolah yang terlibat dalam kongsi gelap di Malaysia dan jumlah aduan mengenainya bagi setiap negeri. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan tahun 1966 terdapat 30 aduan tentang kegiatan kongsi gelap di kalangan pelajar. Tiap-tiap negeri mencatatkan antara 1 hingga 8 aduan, dan negeri Johor mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 8 aduan.

Jumlah pelajar yang terlibat pula ialah seramai 210 orang dengan catatan antara 3 hingga 82 orang bagi tiap-tiap negeri. Catatan tertinggi ialah di negeri Johor dengan jumlah pelajar yang terlibat seramai 82 orang. Antara langkah yang dilakukan untuk menanganinya:

- (i) mempergiatkan gerakan bersama pihak polis dengan mengadakan sesi ceramah kesedaran;
- (ii) memastikan sekolah mengenakan tindakan tegas terhadap pelajar yang terlibat;

(iii) menyediakan bahan edaran seperti Surat Pekeliling Ikhtisas supaya sekolah melakukan tindakan ke arah pencegahan kegiatan tersebut;

(iv) memastikan Majlis Permuafakatan yang terdapat di negeri, daerah dan sekolah berfungsi lebih berkesan dan membantu pelajar bermasalah yang berisiko tinggi; dan

(v) melibatkan pelajar berisiko tinggi dalam kursus motivasi dengan program Waja Diri.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah kegiatan kongsi gelap ini kian meningkat di sekolah, jadi soalan tambahan saya iaitu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini macam mana murid sekolah boleh dipengaruhi dan melibatkan diri mereka dalam kegiatan kongsi gelap ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, malangnya dengan kepesatan pembangunan ekonomi, ada banyak sekolah khususnya sekolah-sekolah di bandar sekarang terdapat terletak berdekatan dengan pusat-pusat hiburan, night club dan sebagainya. Pelajar-pelajar di sekolah tersebut senang sahaja dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tidak kita ingini. Dengan itu, gejala-gejala yang tidak sihat itu telah menjejaskan kedudukan sekolah dan pihak Kementerian Pendidikan sudah mengarahkan semua pengetua, semua guru besar bahawa kita harus mempergiatkan kerjasama rapi dengan pihak polis, dengan pihak PIBG dan sebagainya supaya bersama-sama kita boleh jauhkan diri pelajar-pelajar dari pihak-pihak yang kita tidak ingini mereka bercampur.

Tuan Ho Cheong Sing: Tuan Yang di-Pertua, masalah gangsterism di dalam sekolah adalah agak serius. Ketua-ketua gangster ini adalah berkemungkinan di antara pelajar-pelajar sendiri atau didalangi oleh ahli-ahli gangster di luar sekolah. Masalah ini menjadi lebih serius lagi jika gangster dari luar mendalangi gangster sekolah. Oleh yang demikian, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat itu adalah benar, iaitu ada pelajar-pelajar yang menjadi ketua gangster, pengetua sekolah atau pihak polis akan mengambil

tindakan yang tegas terhadap pelajar-pelajar tersebut, dan di pihak sekolah kita akan kenakan hukuman seperti dikenakan hukuman rotan atau dibuang dari sekolah. Juga, oleh kerana itu, itu merupakan satu kegiatan jenayah, maka pihak polis juga boleh ambil tindakan bawa pelajar-pelajar tersebut ke mahkamah dan sebagainya. Tetapi bagi pihak Kementerian Pendidikan, kita akan tentukan bahawa semua pelajar-pelajar di sekolah akan diberi perlindungan dari dipengaruhi oleh pihak-pihak luar. Seterusnya kita akan berkerjasama dengan pihak polis dan sebagainya supaya keadaan di sekolah tidak akan dijejaskan seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

KOS PEMBETUNGAN/TELEFON/ ELEKTRIK - MENGHAPUSKAN

5. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada adil dan munasabah untuk memaksa pemaju perumahan dan pembeli rumah menanggung kos pembedaan, telefon dan elektrik yang akan menambahkan kos hampir RM8,000 setiap unit rumah bila sistem pembekalan perkhidmatan tersebut telah diswastakan. Nyatakan pecahan kos yang akan ditanggung oleh pemaju perumahan yang diberikan percuma kepada TNB, IWK dan Telekom dan adakah pihak kementerian akan menghapuskan kos ini, khususnya untuk perumahan kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur-infrastruktur pembedaan adalah sebahagian daripada infrastruktur asas bagi mana-mana kemajuan perumahan, maka adalah wajar disediakan oleh pihak yang membangunkan kemajuan itu. Dari dahulu pun pemaju menanggung kos menyediakan kemudahan pembedaan iaitu dalam bentuk tangki septik. Kini didapati tangki septik tidak sesuai dalam jangka masa panjang dan perlu diganti dengan sistem pembedaan yang lebih berkesan.

Soal keadilan kepada pemaju tidak timbul, kerana kosnya sudah pun diambil kira dalam harga rumah. Bagi pembeli rumah adalah jauh lebih kos efektif mengadakan sistem yang sesuai pada masa rumah dibina daripada mengubah sistem itu pada masa hadapan kelak. Bagi rumah kos rendah, kos sumbangan itu dikecualikan.

Komponen telefon dan elektrik adalah di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Adalah difahamkan pemaju perumahan tidak dipaksa menyediakan infrastruktur telekomunikasi buat masa ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan daripada sejak dahulu semua kemudahan atau prasarana asas ini perlu diberikan supaya pembeli-pembeli dapat keselesaan yang sewajarnya, tetapi apakah rasional pemaju perumahan harus menanggung kosnya bila kutipannya kelak akan diperolehi oleh badan-badan swasta tersebut dan lebih-lebih lagi apabila IWK, Tenaga dan Telekom sekarang bukanlah milikan kerajaan lagi tetapi sekarang telah diswastakan dan merupakan satu badan swasta. Bukankah adalah lebih adil dan munasabah supaya mereka sama-sama menanggung kos ini dan bukan ditanggung oleh pemaju perumahan atau pembeli.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberikan kenyataan pecahan kos untuk setiap komponen kemudahan asas yang disalurkan dan dimasukkan kepada setiap rumah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan yang dikenakan kepada pihak pemaju yang disebutkan sebagai capital contribution, dengan izin, adalah satu kutipan yang disimpan dalam satu tabung amanah dan ini dikendalikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Pembedaan dan bukan disimpan oleh pihak swasta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Pihak IWK hanya boleh minta daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Pembedaan dari segi projek-projek yang akan dibuat dan kutipan itu akhirnya diluluskan dan dikeluarkan mengikut kehendak projek-projek yang diluluskan dan bukan disimpan oleh pihak swasta untuk digunakan bagi lain-lain cara atau maksud.

Mengenai angka pecahan, saya hendak sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat tadi, angka yang disebutkan dalam soalan iaitu setiap unit rumah jumlahnya hampir RM8,000 dikutip. Saya rasa itu adalah salah angka atau saya pun tidak tahu di

manakah angka itu dapat dikumpulkan, kerana dari angka yang kita ada di kementerian, saya berikan satu contoh. Umpamanya, sistem retikulasi air untuk setiap rumah hanya RM285, tangki simpan air junjung hanya RM415 seunit, sistem rawatan kumbahan RM1,136 dan lain-lain lagi seperti pendawaian elektrik RM703. Ada lagi satu pecahan angka, saya hendak sebutkan di sini, kos sumbangan utiliti bekalan elektrik umpamanya, hanya RM697 untuk elektrik, bekalan air pula RM205 untuk setiap unit.

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kumpulkan semua yang saya sebut tadi, tidak sampai angka RM8,000, jauh daripada angka itu. Saya rasa soalan yang ditanya dan angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkalilah, saya hendak sebutkan, barangkali untuk kos rumah tinggi. Kalau rumah kos rendah atau sederhana, angkanya hanya lebih kurang RM4,000 sahaja, mana ada sampai RM8,000? Itu salah tafsirlah.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Saya dapat kompelin daripada pembeli, walaupun surat perjanjian jualbeli telah ditandatangani tetapi pembeli juga dapat surat tuntutan daripada pemaju meminta pembeli itu membayar contribution untuk pembedungan. Jadi, saya ingin hendak tanya sama ada ini adil atau perlu dibayar atau tidak, kerana surat perjanjian jualbeli telah ditandatangani, maka selepas itu baru dapat surat tuntutan daripada pihak pemaju supaya minta pembeli untuk membayar sebanyak wang kononnya untuk kos contribution bagi pembedungan. Jadi, saya minta penjelasan sama ada wang itu perlu dibayar atau tidak? Kalau tidak perlu, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin untuk hantar satu notis kepada para pembeli supaya tidak perlu bayar wang tuntutan untuk tujuan ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya rasa eloklah kalau Yang Berhormat Dato' boleh sampaikan maklumat terperinci mengenai pemaju tersebut di mana surat perjanjian sudah ditandatangani dan pembeli masih dikenakan dengan caj pembedungan itu kerana saya hendak panjangkan surat itu atau maklumat terperinci itu kepada pegawai yang berkenaan untuk mereka membuat satu pemeriksaan terperinci supaya mereka boleh memberi satu jawapan yang lebih tepat, janganlah saya sebut di sini salah nanti. Kalau maklumat yang saya beri di sini salah, maka

nanti adalah menambah kekeliruan lagi. Saya rasa eloklah kalau maklumat itu boleh disampaikan kepada saya sendiri dan saya akan memanjangkan kepada pegawai untuk disiasat.

PENJAJA - MASALAH PENEMPATAN DI IBU KOTA

6. Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan komprehensif kerajaan untuk menyelesaikan masalah penjaja dan masalah penempatan penjaja-penjaja sementara ketika ibu kota kita berkembang pesat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada dasarnya mengiktirafkan aktiviti penjajaan sebagai sektor yang boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, DBKL sentiasa mengawal pertumbuhan dan perkembangannya supaya ianya tidak menimbulkan masalah dari segi halangan lalu lintas dan kekotoran disebabkan oleh aktiviti penjaja.

Dewan Bandaraya mengambil beberapa keputusan dan tindakan jangka pendek untuk mengatasi masalah penjaja yang semakin rumit seperti berikut:-

- (i) pembekuan pengeluaran lesen bermula pada 16hb. Januari 1996 sehingga satu ketika di mana semua penjaja telah dapat disusun dan ditempatkan semula;
- (ii) memberhentikan perniagaan yang tidak berlesen selaras dengan keputusan Kabinet;
- (iii) membatalkan lesen penjaja yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Makanan 1983, di samping tiga undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989, Undang-undang Kecil Pasar 1984. Intisari daripada ketiga-tiga akta dan undang-undang kecil yang disebutkan menyentuh kepada aspek-aspek kawalan serta prosedur yang perlu diikuti dalam pemberian lesen, kebersihan, halangan, mutu dan pengendalian makanan;
- (iv) jika sekiranya arahan mengosongkan tapak atas sebab projek-projek

- pembangunan seperti pembesaran jalan, pembinaan siar kaki, pembesaran longkang, pembinaan laluan LRT dan sebagainya, tapak-tapak alternatif penjajaan akan diusahakan di mana sesuai bagi menempatkan penjaja yang berlesen sahaja;
- (v) penjaja tidak dibenarkan sama sekali menjalankan kegiatan-kegiatan penjajaan di atas bahu jalan, atas jalan, atas longkang dan jalan susur kerana menghalang lalu lintas, pejalan kaki dan memburukkan pandangan;
- (vi) penjaja-penjaja berlesen tidak dibenarkan mendirikan struktur sama ada sementara atau tetap termasuk sambungan haram, sengkup selain daripada ukuran gerai yang dibenarkan. Mereka hanya dibenarkan menjaja dengan menggunakan gerai yang dibenarkan iaitu 6' x 3' sahaja;
- (vii) gerai-gerai yang diberi lesen menjaja tidak dibenarkan meninggalkan gerai mereka di tempat perniagaan selepas waktu perniagaan seperti yang dibenarkan dalam peraturan dan syarat-syarat lesen dalam apa keadaan sekalipun;
- (viii) mengkaji semula pengeluaran permit sementara musim perayaan di pusat bandar dan sekitar jalan-jalan utama seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India;
- (ix) menerus dan mengetatkan syarat-syarat perancangan kepada pemilik bangunan dan pemaju perumahan untuk menyediakan ruang-ruang niaga, pasar-pasar penjaja dan 'food court' tanpa diberi sebarang pengecualian;
- (x) memberi keutamaan hanya kepada penjaja-penjaja yang berlesen untuk memasuki dan menyewa gerai-gerai dalam 'food court' yang diwujudkan;
- (xi) mengenakan syarat-syarat dalam perintah pembangunan supaya bangunan perdagangan memperuntukkan sejumlah 2% daripada keluasan lantai untuk pembinaan pusat penjaja. Pusat penjaja berkenaan harus dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang telah

ditetapkan oleh DBKL. DBKL juga akan memastikan penjaja-penjaja sekitar bangunan yang dibangunkan ditempatkan semula ke dalam pusat penjaja berkenaan; dan

- (xii) bagi pembangunan yang besar, pemaju perlu memperuntukkan sejumlah keluasan tanah untuk membina pusat penjaja.

Dasar dan tindakan jangka pendek yang dijalankan ini telah menunjukkan kesan yang positif dari segi mengawal dan menjaga kebersihan penjaja terutama di pusat-pusat bandar, seperti di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut, Jalan Masjid India, Jalan Genting Klang, di sekitar Jalan Chow Kit/Jalan Raja Alang dan sekitar kawasan TTDI.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang masalah penjaja di Wilayah Persekutuan, pandangan saya ialah masalah ini perlulah diselesaikan kerana baru-baru ini para penjaja telah berpiket di Bangunan DBKL. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa minuman teh tarik di open air adalah satu amalan atau tradisi rakyat Malaysia. Jikalau kedai-kedai penjaja di tepi jalan tidak boleh dibenarkan, jadi bolehkah kedai-kedai dipindahkan ke lorong belakang? [*Ketawa*] Jadi, lorong-lorong ini boleh diindahkan. Dan minum teh tarik di dalam bangunan tidaklah sesuai kerana di tempat itu tidak ada air-con dan di negara Barat tempat itu sejuk, tetapi di Malaysia praktis ini tidak praktikal. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang isu ini?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak dapat nafikan bahawa penjajaan sama ada di mana-mana pun adalah merupakan satu aktiviti ekonomi dan juga merupakan satu sub-budaya orang Malaysia. Malahan di Kuala Lumpur ini ia menambahkan warna-warni dan bau-bauan Kuala Lumpur dan sebagainya. Tetapi kita juga mesti ingat bahawa dalam proses kita menjaga bandar Kuala Lumpur sebagai bandar metropolitan, kita bukan hendak menghapuskan penjaja ataupun hendak menghapuskan cara hidup ini, bukan hendak menghapuskan 'teh tarik' atau 'nasi kandar', kita hendak menstrukturkan semula kedudukan penjaja ini.

Kita bukan mengatakan bahawa penjaja-penjaja ini harus dihapuskan, malahan kita hendak letakkan penjaja ini di tempat yang lebih baik, tempat yang

lebih selesa dan tempat yang dikhususkan, bukan berniaga di tepi-tepi longkang dan sebagainya.

Saya kira perkara sebegini bukan sahaja tidak baik bagi kita, tetapi dari segi kesihatan, dari segi pandangan orang dan sebagainya tidak begitu elok dan tidak begitu baik bagi pandangan masyarakat.

Jadi, dalam hal ini kita tidak harus mengambil satu pandangan yang agak negatif seolah-olah kerajaan dan Dewan Bandaraya hendak menghapuskan penjaja - tidak! Kita hendak menstrukturkan, mengindahkan, memperbaiki, menggalakkan dan menambahkan aktiviti ekonomi penjaja ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah bilangan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur yang berlesen dan yang tidak? Daripada bilangan mereka itu berapa ramaikah yang terdiri daripada pendatang asing, baik pun berlesen atau tidak.

Bagi penjaja-penjaja yang akan dibatalkan lesen, berapakah bilangan yang dirancangan oleh DBKL untuk membatalkan lesen? Untuk mereka yang terlibat dalam pembatalan lesen ini adakah mereka ditempatkan semula di kawasan yang sesuai, bukan 'lolong-lolong' belakang tetapi kawasan yang sesuai untuk perniagaan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur pada tahun 1997 terdapat seramai 36,449 orang penjaja dan lesen penjaja. Ini kalau kita lihat, tujuh kali ganda daripada tahun 1970 iaitu seramai 5,400 sahaja, tahun 1997 ada 36,449.

Dalam kajian yang dibuat oleh Dewan Bandaraya pada tahun 1996, kita dapati ada lebih kurang 1,535 yang tanpa lesen. Kita bukan bercadang untuk membatalkan lesen, dalam sebelas langkah jangka pendek saya, saya tidak pernah menyebut untuk membatalkan lesen, yang disebutkan di sini ialah tidak memberi lesen baru dan akan mengambil tindakan terhadap yang tidak berlesen.

Seperti yang saya nyatakan tadi, yang berlesen ini akan ditempatkan di tempat-tempat kawasan penjaja yang dibuat dengan lebih baik dan di tempat-tempat 'food court' dan di tempat-tempat yang lebih selesa dan lebih baik dan tidak di lorong-lorong belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila sebutkan ya! Mikrofon blok 'C' rosak, Yang Berhormat.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan kepada soalan saya, sebenarnya ikan 'sepat benua' bukan sepat 'berma'. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! [Ketawa]

IKAN AIR TAWAR - MENGGALAKKAN PEMELIHARAAN

7. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau maklum bahawa di satu masa dahulu kawasan Bagan Serai dalam daerah Kerian terkenal dengan kawasan yang secara semula jadi banyak mengeluarkan ikan air tawar seperti ikan keli, ikan haruan, ikan sepat benua, ikan sepat siam dan ikan sepat ronggeng. Apakah usaha kementerian untuk membimbing peladang bagi memelihara ikan-ikan ini kerana pulungannya adalah lumayan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang maklum bahawa kawasan Bagan Serai dan daerah Kerian suatu masa dahulu terkenal dengan kawasan semula jadi yang banyak mengeluarkan ikan air tawar seperti ikan keli, haruan, sepat siam, sepat ronggeng dan sepat benua. Malah negeri Perak adalah pengeluar ikan air tawar ketiga terbanyak pada tahun 1994 iaitu sebanyak 2,469.8 metrik tan selepas Sabah dan Pahang yang masing-masing berjumlah 6,015 tan metrik dan 3,975.89 tan metrik.

Kementerian Pertanian menerusi agensi-agensi pelaksanaan seperti Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggalak dan membimbing peladang dan penternak bagi memelihara ikan-ikan air tawar yang mempunyai potensi untuk dimajukan. Menerusi Jabatan Perikanan, usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk menggalakkan penternak dan pengusaha untuk menceburkan diri dalam bidang akuakultur khususnya ternakan air tawar. Beberapa program telah dijalankan seperti kursus-kursus berjadual terutama dari aspek pengurusan, teknik ternakan dan pembiakan, pengendalian serta khidmat nasihat dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, Jabatan Pertanian turut terlibat dalam usaha menggalakkan ternakan ikan berkenaan di dalam kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Kerian Sungai Manik, Bagan Serai. Jabatan tersebut telah menjalankan projek ternakan ikan keli di dalam sawah. Ikan-ikan ini akan berfungsi sebagai pemangsa kepada perosak padi. Petani-petani yang dipilih akan dibekalkan dengan benih ikan keli. Pada masa akan datang, ikan-ikan jenis lain juga akan ditenak di sawah-sawah. Ternakan ikan di dalam sawah ini akan dapat mengurangkan penggunaan racun. Petani-petani hanya digalakkan menggunakan racun yang tidak berbahaya (non-toxic) kepada ikan-ikan yang terdapat di dalam sawah, parit dan tali air.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan ikan air tawar ini bukan sahaja di kawasan Kerian, tetapi juga dialami di kawasan MADA iaitu sebahagian daripada Perlis dan sebahagian daripada Kedah. Ada pendapat mengatakan bahawa MADA mengamalkan penggunaan racun musuh tanaman yang tinggi, mungkin digalakkan oleh bekas-bekas pengurus besar dahulu. *[Ketawa]*

Jadi, dengan sebab itu, ada juga usaha dijalankan oleh MADA mengawal musuh tanaman cara pendekatan, dengan izin, biological control. Jadi, setakat ini apakah kesan daripada pendekatan lama dan baru yang dijalankan oleh MADA supaya ikan-ikan ini dapat hidup secara semula jadi di dalam sawah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita menggalakkan biological control untuk mengeluarkan ikan keli dan sebagainya. Ataupun ikan haruan yang makan binatang-binatang dalam sawah padi. Kita juga menggunakan itek yang dibiarkan di dalam sawah untuk memakan jenis binatang di sawah padi ini.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pertanian dan juga MADA bersama-sama membuat penyelidikan untuk memastikan kita mengurangkan penggunaan racun-racun ini supaya membolehkan pembiakan ikan-ikan air tawar di kawasan MADA dan sebagainya.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua.. *[Mikrofon di blok 'C' rosak]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan, di situ semua rosak. Sila teruskan, ya.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya dengar, ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cara mana petani-petani yang dinasihatkan oleh Kementerian Pertanian iaitu menggunakan teknologi baru iaitu 'tabur terus'. Bila 'tabur terus' boleh menjimatkan masa dan tenaga. Tetapi, ikan yang saya sebutkan tadi, dia tidak boleh masuk ke dalam kawasan tanaman dengan cara tanam padi terus ini. Dia tidak ada lorong hendak cari makan - 'lolong'! *[Ketawa]*

Jadi, bila ikan ini terkejut, dia masuk ke dalam itu, kalau dia terkejut oleh kerana apa-apa, dia tidak boleh hendak lari keluar, oleh kerana tanaman tabur terus pokok-pokok padi sangat rapat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Jadi, lebih baik dia tak masuk. Begitu juga ikan haruan yang sekarang ini sedang menjadi sejenis ikan yang mempunyai satu kegunaan yang mempunyai kuasa untuk memulihkan orang yang luka-luka di bahagian dalam badan, lebih-lebih lagi anak muda yang jatuh motosikal. Sekarang ini semakin ramai orang yang menggemari ikan haruan ini, jadi pasaran ikan haruan menjadi begitu baik sekali sampai RM10 lebih sekilogram.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, orang bersalin pun bagus makan ikan itu, ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimana pihak kementerian hendak mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang betul seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai tadi, cara 'tabur terus' ini padi itu kerap sedikit. Jadi, tak mungkinlah kita dapat memelihara ikan.

Walau bagaimanapun, kita sedang memberikan bantuan ini kepada seluas 20 ekar di Kerian dan 20 ekar di Sungai Manik telah dikenal pasti untuk projek ini yang melibatkan enam orang petani di Kerian dan petani di Sungai Manik sedang dikenal pasti mengenai perkara ini.

Jadi, tujuan kita ialah kita hendak memberi kawasan untuk menternak ikan air tawar, tidak semestinya di sawah padi. Memanglah kita ada kolam-kolam tertentu untuk membiakkan ikan itu.

ROYALTI DESTINASI PELANCONGAN KEPADA PENDUDUK RUMAH PANJANG

8. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah royalti akan diagihkan kepada penduduk kampung dan penduduk rumah panjang di Sarawak yang mana lokasi tersebut sering menjadi destinasi pelancongan terutama oleh pelawat asing atau dari luar negeri dan adakah pihak kementerian bercadang untuk membina dan mengisytiharkan kawasan Empangan Hidro Bakun di Ulu Sungai Rajang sebagai pusat destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa usaha kerajaan membangun, mempertingkatkan dan mempelbagai-kan produk-produk pelancongan berdasarkan kepada kekayaan dan keunikan tempatan yang di antaranya termasuklah pelancongan desa yang berasaskan 'ecotourism' dan 'agrotourism' adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pendapatan penduduk kampung.

Ianya boleh dicapai melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti seperti aktiviti 'homestay', pemandu pelancong, pertunjukan kebudayaan, penjualan makanan, minuman, hasil tani dan kraftangan, penyewaan peralatan pengembaraan dan pelbagai pembekal kemudahan dan perkhidmatan pelancongan.

Kegiatan seperti inilah sebenarnya pengagihan hasil dari pelancongan yang mendatangkan pendapatan secara langsung kepada penduduk kampung termasuklah penduduk rumah panjang di Sarawak. Oleh kerana itu, pengagihan royalti pelancongan belum timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Empangan Hidro Bakun di Ulu Sungai Rajang, di samping membekalkan tenaga untuk pembangunan ekonomi negeri Sarawak, ianya juga secara tidak langsung akan menjadi pusat destinasi pelancongan yang berasaskan alam semula jadi terutamanya yang berasaskan kegiatan air, 'water-based tourism' yang dapat memenuhi cita rasa pelancong domestik dan antarabangsa. Ini akan menambahkan lagi pelbagai peluang ekonomi kepada penduduk tempatan dan dapat mempertingkatkan lagi pendapatan mereka.

Justeru itu, kerajaan akan memastikan bahawa pembangunan pelancongan kawasan ini akan

tumbuh secara berterusan dalam jangka panjang agar menjadi pusat destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan usaha-usaha kerajaan untuk mempromosikan agrotourism tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan. Sepertimana yang kita sedia maklum, projek agrotourism ini dilaksanakan penduduk-penduduk tempatan dengan modal yang kecil dan pengalaman yang kurang dan juga promosi yang kurang. Jadi, apakah langkah-langkah yang kementerian ambil untuk menjadikan usaha agrotourism ini menjadi satu usaha yang betul-betul boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di samping membangunkan infrastruktur ada juga memberi skim-skim tertentu bagi memajukan industri pelancongan sama ada ia berpusat di bandar mahupun di luar bandar, sama ada ia berasaskan kepada pelancongan ecotourism ataupun agrotourism atau yang lain-lainnya. Sebagai makluman asas kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah skim ini semua kegiatan ataupun projek-projek pelancongan yang memerlukan bantuan boleh memohon. Wangnya adalah daripada dana yang diwujudkan oleh Bank Negara tetapi projek itu mestilah dahulu bersesuaian dengan dasar kerajaan terutamanya kementerian dan sekurang-kurangnya pinjaman itu tidak bawah daripada RM100,000 dan tidak lebih daripada RM3 juta dengan kadar faedah yang tidak melebihi 6.5% saya rasa.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha yang dibuat oleh kementerian untuk membantu penduduk luar bandar di Sarawak menunjukan destinasi dan peluang-peluang sokongan di sana bagi menarik lebih ramai pelancong ke sana? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia mempromosikan ke seluruh ataupun semua tempat di negara kita termasuklah Sarawak. Memang ada desas desus mengatakan bahawa kementerian kurang mempromosikan Sarawak. Ini tidak benar, kalau Yang Berhormat boleh ikuti soalan-soalan, saya rasa kalau tidak salah Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ada bertanyakan tentang kurang usaha kerajaan ataupun LPPM mempromosikan Sarawak. Kita ada menyediakan jawapan bertulis dihantar kepada

Yang Berhormat dari Batang Lupar. Sebenarnya kita menggalakkan pelancong pergi ke Sarawak dengan berusaha membanyakkan lagi penerbangan ke sana dan memberi bantuan dan membuat promosi-promosi di luar negara, di samping kita bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam usaha ini.

Walau bagaimanapun, kita kadang-kadang mempunyai kesukaran juga terutama sekali apabila kita hendak monitor, dengan izin, kedatangan pelancong-pelancong ke Sarawak kerana kita lambat dapat statistik pelancong ke sana. Sepertimana yang kita tahu bahawa negeri Sarawak mempunyai bidang kuasa Imigresen di sana. Jadi, kita mendapati sukar untuk hendak response kepada statistik-statistik yang terkini bagi memperkemas lagi usaha-usaha kita.

Walau bagaimanapun, pada keseluruhan kerjasama dengan pihak negeri di sana memang memuaskan. Jadi, kalau Yang Berhormat dari Bintulu ada idea-idea untuk hendak mempromosikan lagi Sarawak boleh berhubung dengan kementerian dan kita sentiasa terbuka untuk berbincang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang) tidak hadir]

OPERASI "OPS PACAK" - PERATUS/ JUMLAH SAMAN DIKELUARKAN

10. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) peratus catatan saman yang dikeluarkan oleh pihak polis sempena operasi "Ops Pacak" memandangkan ada kemungkinan plat yang digunakan adalah palsu atau kenderaan yang digunakan adalah kenderaan curi; dan
- (b) jumlah saman yang dikeluarkan sepanjang operasi ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini proses pengisian maklumat kesemua saman bagi kesalahan trafik dalam 'Ops Pacak' ke dalam sistem trafik COPS ataupun Compound On-line System, dengan izin, serta proses penghantaran saman kepada mereka yang

terlibat sedang dijalankan. Sehegghalah proses ini selesai dan mereka yang disaman tampil ke hadapan membayar kompaun ataupun mempersoalkan saman yang dikeluarkan ke atas mereka barulah diketahui sama ada terdapat di antara kenderaan-kenderaan tersebut menggunakan plat palsu ataupun kenderaan curi.

- (b) Sebanyak 103,238 saman telah dikeluarkan sepanjang operasi tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian bercadang untuk membatalkan semua saman yang dikeluarkan dalam 'Ops Pacak' ini memandangkan bahawa ada timbul kekeliruan sama ada nombor yang dicatat adalah sahih dan benar kerana kadangkala waktu malam atau keadaan yang samar-samar, anggota polis telah mencatatkan nombor yang salah dan ada timbul beberapa kes sedemikian. Bagaimana pihak kementerian akan mengatasi kes tersebut di mana, apa yang dikatakan ialah 'saman ekor' telah menimbulkan kerumitan dan juga adakah pihak kementerian akan memastikan bahawa semua anggota polis yang membuat atau menjalankan 'saman ekor' mempunyai penglihatan yang elok dan sempurna, dengan izin, 2020 vision supaya tidak timbul kesalahan semasa mencatat nombor. Sekian.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada mana-mana pihak disaman, mereka hendak mempersoalkan saman itu, mereka boleh tampil ke hadapan untuk memberi bukti-bukti bahawa kesalahan itu bukan dilakukan oleh mereka dan anggota-anggota polis yang ditempatkan di tempat-tempat strategik ini merupakan orang yang mempunyai penglihatan yang baik.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat sebelum kaedah 'Ops Pacak' ini dilaksanakan, kebanyakan pegawai penguatkuasa akan menahan kenderaan dan memeriksa kesahihan nombor kenderaan, LKMnya dan juga lesen memandu tetapi oleh kerana Ops Pacak ini telah dilaksanakan, saya ingin tahu apakah masalah yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa bagi melaksanakan saman ini dan apakah pada pandangan kementerian, Ops Pacak ini akan diteruskan ataupun langkah sementara sahaja supaya dapat kita menjaga Akta Pengangkutan Jalan 1987 itu dan ditempatkan secara sempurna supaya ia tidak dicabar di mana-mana mahkamah. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis masih dalam proses memperbaiki sistem ini. Kalau sekiranya terdapat batasan atau kelemahan, kita sentiasa hendak memperbaikinya. Ops Pacak ini merupakan satu operasi yang akan memberi kesan psikologi supaya apabila pemandu nampak polis di tempat-tempat strategik mereka akan berhati-hati. Walaupun belum dapat terbukti kesannya sama ada benar-benar berkesan tetapi pada keseluruhannya ianya telah memberi kesedaran kepada orang awam bahawa di tempat-tempat yang ada polis, sama ada mereka slow down, memandu secara berhati-hati dan ikut peraturan. Jadi, kesan itu memang sudah terbukti.

Buat masa kini kita belum dapat satu bukti yang kukuh. Maka, apa-apa kelemahan itu masih dalam peringkat kajian dan penyelidikan.

AMBULANS - PERKHIDMATAN DI HOSPITAL

11. Dr. Tan Yee Kew [Klang] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan berhasrat mewajibkan semua hospital swasta, besar atau kecil, dilengkapi dengan ambulans supaya pesakit-pesakit yang perlu dipindah ke hospital lain untuk rawatan pada masa kecemasan tidak perlu mencari pengangkutan sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua hospital kerajaan dilengkapi dengan perkhidmatan ambulans. Tiada syarat mewajibkan semua hospital swasta untuk menyediakan perkhidmatan ambulans. Namun demikian, semua hospital swasta yang menyediakan perkhidmatan kecemasan dilengkapi dengan perkhidmatan ambulans. Di Lembah Klang, perkhidmatan ambulans juga disediakan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan sebuah syarikat swasta serta Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah memulakan perkhidmatan ambulans di Pulau Pinang.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa kekurangan ambulans pun dialami di seluruh hospital besar dan hospital daerah kerajaan. Adakah pihak kementerian merancang untuk menambah bilangan ambulans di hospital-hospital kerajaan dan adakah pihak kementerian berminat mendapatkan ambulans yang lebih canggih di mana kes-kes pesakit seperti pesakit jantung boleh dirawat di ambulans oleh satu pasukan yang mahir?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan ambulans telah dikaji oleh Kementerian Kesihatan Malaysia secara mendalam pada tahun 1993 sehingga 1995. Kajian telah dijalankan oleh satu syarikat Medical Emergency Incorporation dari Ontario, Kanada sebagai konsultan. Pihak konsultan telah mencadangkan supaya semua perkhidmatan para hospital dikendalikan oleh satu organisasi Malaysian Ambulans Service bagi seluruh negara dengan Pusat Kebangsaan di Kuala Lumpur dan pusat-pusat di setiap negeri dan daerah. Untuk mengkoordinasi perkhidmatan, cadangan ini masih dalam proses kajian oleh Kementerian Kesihatan.

KESALAHAN JENAYAH - JUMLAH PEKERJA ASING TERLIBAT

12. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa jumlah pekerja asing yang terlibat dengan jenayah; dan
- (b) apakah kesalahan jenayah yang kerap membabitkan mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pekerja asing yang terlibat dengan jenayah dalam tahun 1996 ialah seramai 2,019 orang.
- (b) Di antara kesalahan jenayah yang sering dilakukan oleh mereka ialah mencuri, pecah rumah, mencederakan manusia, samun dan bunuh.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar berita-berita yang menyatakan bahawa di samping pekerja-pekerja asing ini menyamun ataupun melakukan kegiatan-kegiatan jenayah dibawa juga oleh mereka ilmu hitam untuk bersama-sama membantu dalam usaha jenayah mereka. Sekian.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian saya tidak dapat memastikan sejauh mana benar ilmu hitam itu. Kita hanya tengok fakta-fakta kesalahan mereka dan memang mereka yang melakukan kesalahan ini tidak kira orang asing atau orang tempatan, dia cuba bermacam-macam, sama ada berkesan atau tidak kita tidak tahu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari 2,019 orang ataupun penjenayah yang telah dilakukan ini,

adakah termasuk dalam tindakan kerajaan memulangkan mereka ke negara asal mereka dan adakah pihak kerajaan membuat 'black listing' dengan izin, supaya orang-orang yang ada kes jenayah ini tidak dibenarkan balik untuk bekerja di negara kita. Adakah ini termasuk dalam tindakan yang kerajaan buat? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bukan sahaja masukkan nama mereka dalam senarai hitam supaya mereka tidak boleh kembali, bahkan kita ambil tindakan undang-undang terhadap mereka dahulu kalau sekiranya mereka itu membunuh atau menyamun, kita pastikan mereka itu disabit di mahkamah dan masuk ke dalam penjara untuk menerima hukuman dahulu, kemudian kita ambil cap jari - sepuluh jari semua - masuk dalam rekod dan pastikan mereka ini tidak ada peluang masuk semula kecuali mereka ada cara yang lain seperti tukar cap jarinya.

PENGUNDI MENINGGAL DUNIA DISENARAI DALAM ELECTORAL ROLL - TINDAKAN KERAJAAN

13. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Perdana Menteri menyatakan banyak nama pengundi yang telah meninggal dunia masih lagi disenaraikan dalam "electoral roll" pilihan raya baru-baru ini di negeri Sarawak, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin bahawa senarai pengundi-pengundi di seluruh negara boleh dikemaskini dari masa ke semasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua..... [*pembesar suara rosak*]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta datang ke sebelah sini, yang merah ini. Ya sila.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya dibenarkan pindah.

Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil tindakan untuk membersihkan daftar pemilih dari nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia, termasuk daftar pemilih negeri Sarawak. Urusan ini dilakukan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Balai-balai Polis dan hospital-hospital seluruh negara. Sejak tahun 1991 hingga 1996 seramai 233,107 pemilih yang meninggal dunia di seluruh negara telah dikeluarkan daripada pendaftaran pemilih. Kalau sekiranya seseorang pemilih yang meninggal dunia tetapi tidak ada laporan kematian

dibuat atau bukti yang sah bagi menyatakan ketiadaannya, SPR tidak boleh mengeluarkan nama-nama mereka daripada daftar pemilih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perpindahan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari tempat kedudukan beliau - salah satu maklum balas yang telah dikemukakan kepada saya berkenaan dengan soalan ini ialah bahawa masih terdapat banyak nama pengundi yang disenaraikan dalam "electoral roll" di pusat mengundi yang jauh dari tempat asal kediaman mereka, keadaan seperti ini telah membebankan pengundi dan juga kos perjalanan yang tinggi.

Saya ingin tahu adakah kerajaan khususnya SPR akan mengemaskinikan nama-nama pengundi yang seperti ini supaya mereka boleh membuang undi di pusat mengundi yang berdekatan dengan kampung atau tempat kediaman mereka. Jadi, apakah nasihat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi mereka yang berada di dalam keadaan seperti ini supaya mereka boleh menukar tempat mereka mengundi ke tempat yang sesuai.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita membuat pendaftaran pemilihan tiap-tiap tahun selama lebih kurang sebulan. Pada masa membuat pendaftaran pemilihan bukan sahaja kita membenarkan pendaftar-pendaftar baru untuk mendaftar sebagai pemilih, bahkan kita memberi peluang kepada pendaftar-pendaftar pemilih yang telah berdaftar untuk mengisi nama mereka sekiranya mereka hendak berpindah ke mana-mana tempat yang dikehendaki. Ini memang dilaksanakan oleh SPR dan saya nasihatkan supaya pemilih-pemilih sedemikian rupa sekiranya mahu mengundi di tempat yang berhampiran dari tempat tinggal masing-masing, maka semasa pendaftaran pemilih ini bolehlah mereka memohon berpindah ke tempat yang berdekatan.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengemaskini daftar pemilih, Parti Bersatu Sabah juga membantu untuk membuat laporan atau bantahan terhadap nama-nama pengundi yang telah meninggal dunia.

Baru-baru ini di kawasan saya di Kinabalu, Pejabat PBS telah membuat bantahan dan laporan mengenai senarai nama-nama pengundi yang sudah meninggal dunia. Namun demikian, bantahan atau laporan itu telah ditolak oleh pihak SPR dan kami telah diminta untuk membawa bukti seperti 'Sijil Kematian' dan lain-lain lagi. Persoalan saya, Tuan

Yang di-Pertua, adakah tugas itu harus dilakukan oleh pihak kami yang telah membuat laporan ataupun pihak SPR, kerana pada pendapat kami, kami membawa perkara itu kepada perhatian pihak SPR dan terpuanglah kepada pihak SPR untuk menjalankan siasatan sama ada laporan itu benar atau sebaliknya. Keadaan di ketika ini masih ada nama-nama dalam senarai itu yang lebih kurang 10 tahun atau 20 tahun masih ada di sana dan tidak ada usaha sanak-saudara untuk membatalkan dalam senarai pengundi. Jadi, kekhawatiran kami, Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu. Soalan sudah cukup.

Tuan Henrynus Amin: Tidak, ini qualification untuk membantu jawapan supaya jangan keliru.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hanya boleh bertanya soalan tambahan sahaja. Sila jawab.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kita memang mengambil perhatian pada mana-mana laporan, tetapi untuk melayan laporan ini mestilah kita ada bukti yang jelas mengatakan mereka telah meninggal dunia. Kalau kita tidak berdasarkan kepada ini, kita bimbang ramai lagi yang akan datang melaporkan pada Suruhanjaya Pilihanraya mengatakan mereka telah meninggal dunia, sedangkan mereka masih hidup, dengan sebab itulah kita berpegang kepada ini.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya mengharap SPR membuat semua siasatan yang diberikan, sudah barang tentu perkara ini memakan masa dan kadangkala kita tidak boleh menyemak semua nama yang dikemukakan. Tetapi yang paling baik ialah mengemukakan laporan disertakan sekali dengan Sijil Kematian bagi mereka yang telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 9 dan 13 hingga 52 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' [15 April 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuan sila sambung. Diminta berubah ke tempat lain, ubah sedikit ke sebelah kiri Yang Berhormat - itu boleh.

3.36 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyatakan bahawa rang undang-undang ini pada anggapan saya adalah merupakan satu lagi tambahan kepada produk industri luar pesisir ataupun satu lagi bentuk investment vehicles yang akan dapat menyumbang ke arah menjadikan IOFC Labuan lebih kompetitif dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam memberikan kebenaran bagi penubuhan tiga jenis perkongsian luar pesisir iaitu:

- (i) Perkongsian Terhadap Am Luar Pesisir;
- (ii) Perkongsian Terhadap Profesional Luar Pesisir; dan
- (iii) Perkongsian Terhadap Projek Luar Pesisir.

Walaupun perkongsian tersebut berbeza di antara satu sama lain khususnya jenis rakan kongsi, jenis perniagaan yang dibolehkan, cara pembubarannya, tetapi kesemua perkongsian ini pada anggapan saya mempunyai persamaan di mana dua rakan kongsi akan bersetuju. Satu, menjadi rakan kongsi am dan satu lagi akan menjadi rakan kongsi terhad, di mana rakan kongsi am akan menjadi partner yang aktif, manakala rakan kongsi terhad memainkan peranan pasif dan berfungsi sebagai penyumbang dana dalam satu-satu perkongsian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap peruntukan dalam akta ini bolehlah saya gambarkan dalam satu senario yang mudah, di mana dua entiti luar pesisir menubuhkan perkongsian terhad luar pesisir di Labuan. Misalnya ia ditubuhkan pada pagi ini dan pada hari yang sama mereka melunaskan suatu transaksi jual-beli (complete deal) dan di sebelah petangnya mereka boleh membubarkan perkongsian tersebut dan masing-masing rakan kongsi boleh mengambil balik modal dan masing-masing daripada rakan kongsi ini akan bertanggungjawab ke atas beban percukain masing-masing. Ciri-ciri seperti ini akan menarik pelabur kerana mereka boleh masuk cepat dan boleh keluar cepat.

Tuan Yang di-Pertua, investment vehicles ini adalah mudah, jelas dan ianya begitu menarik khususnya di kalangan fund managers atau pengurus dana luar pesisir. Apatah lagi mereka yang mempunyai 'one time deal', dengan izin, di mana jentera pelaburan ini akan dapat membantu melunaskan transaksi perniagaan atau pelaburan mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk merujuk atau memetik kepada seksyen 28(2) yang berbunyi:

"28(2) Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, memerintahkan supaya mana-mana perkongsian terhad luar pesisir disekat daripada menjalankan apa-apa perniagaan yang ditentukan di Labuan dan boleh, melalui notis yang disiarkan di dalam *Warta*, mengenakan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya apa-apa perniagaan tertentu boleh dijalankan oleh perkongsian terhad luar pesisir di Labuan."

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, peruntukan ini boleh mendatangkan masalah kepada penubuhan perkongsian terhad luar pesisir untuk sesuatu tujuan ataupun untuk sesuatu projek. Sekiranya setelah penubuhan perkongsian dibuat, menteri menguatkuasakan seksyen ini, saya ingin tahu apakah ini tidak akan menjejaskan objektif penubuhan perkongsian tersebut. Saya berpendapat ini sudah tentu akan memudaratkan sesuatu perkongsian. Oleh yang demikian, sekiranya seksyen ini akan dikuatkuasakan, saya harap pihak lembaga harus menimbang untuk memberi sedikit masa kepada perkongsian terlibat untuk membuat pewajarannya. Saya khawatir kerana dari pengamatan yang saya buat terhadap seksyen ini,

penguatkuasaan seksyen 28(2) ini adalah serta-merta daripada tarikh pewartaan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk merujuk kepada seksyen 30 akta ini yang berhubung dengan 'Pemeriksaan dan pengeluaran dokumen yang disimpan oleh Lembaga dan perkongsian terhad luar pesisir', di mana pada pandangan saya adalah bertentangan dengan seksyen 34 yang menyatakan tentang 'Dokumen hendaklah difailkan melalui syarikat amanah'.

Saya petik dalam seksyen 34(1), yang berbunyi:

"34(1) Tiap-tiap dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan supaya diserahkan atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini hendaklah diserahkan atau difailkan melalui suatu syarikat amanah."

Seksyen 34(2) berbunyi:

"34(2) Tiap-tiap permohonan kepada Lembaga untuk mendapat apa-apa perakuan atau untuk mendapat apa-apa cabutan atau salinan mana-mana perakuan yang hendak dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen yang telah diserahkan atau difailkan dengan Lembaga hendaklah dibuat melalui suatu syarikat amanah."

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 30(1)(b) berbunyi:

"30(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan am ini, seseorang boleh jika dibenarkan oleh perkongsian terhad luar pesisir yang relevan -

- (b) meminta supaya diberi kepadanya satu perakuan tentang pendaftaran suatu perkongsian terhad luar pesisir atau apa-apa dokumen lain atau sebahagian daripada dokumen lain yang disebutkan dalam perenggan (a)."

Seksyen 30(1)(a) pula menyatakan:

"30(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, seseorang boleh, jika dibenarkan oleh perkongsian terhad luar pesisir yang relevan -

- (a) memeriksa dokumen yang disampaikan kepada, didaftarkan oleh atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini dan yang disimpan oleh Lembaga atau, jika didapati sesuai

oleh Lembaga, salinan dokumen itu;”

Ini merujuk kepada satu pemeriksaan oleh seseorang yang diberi kuasa untuk memeriksa dokumen yang diserahkan dalam pihak lembaga. Ini juga akan memberi makna ianya akan mengurangkan keberkesanan seksyen 34 yang saya bacakan sebentar tadi di mana untuk tujuan menyerahkan atau mengeluarkan mana-mana dokumen kepada atau daripada lembaga mestilah melalui satu syarikat amanah.

Dalam konteks yang sama apakah telah menjadi hasrat Lembaga bagi membenarkan pemeriksaan atau cabutan ke atas dokumen diserahkan kepada individu. Ini satu persoalan, Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting, persoalan selanjutnya apakah yang saya sebutkan sebentar tadi tidak bertentangan dengan seksyen 41 akta yang bersabit dengan kerahsiaan, yang berbunyi, saya petik:

“Rekod-rekod, buku-buku dan daftar-daftar perkongsian terhad luar pesisir itu dan butir-butir dalam daftar dan rekod-rekod lembaga berhubung dengan perkongsian terhad luar pesisir itu tidak boleh dibuka kepada orang ramai untuk pemeriksaan.”

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat memberikan penjelasan ke atas kesangsian saya terhadap beberapa peruntukan dalam akta ini yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Rang Undang-undang ini adalah diharapkan dapat merangsang perkembangan IOFC, aktiviti luar pesisir dan sekaligus mempertingkatkan daya tarikan dan daya saing Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang terunggul di kalangan yang terkemuka di dunia. Seperti yang kita harapkan, akta ini akan memastikan kesinambungan pembangunan pulau tersebut sebagai IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, IOFC Labuan sudah mempunyai asas-asas yang mencukupi untuk bersaing secara aktif dengan mana-mana IOFC yang lain, di samping itu saya juga berpendapat adalah belum mencukupi hanya dengan penyediaan ruang pejabat, penyediaan ruang komersial, mempunyai satu set perundangan yang jelas, tenaga profesional yang mencukupi, kestabilan politik, regim percukaian yang rendah, ketenteraman suasana dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan kepesatan sesebuah IOFC juga bergantung kepada kewujudan kemudahan perkhidmatan pengangkutan udara secara langsung daripada pusat-pusat komersial serantau ke destinasi IOFC yang establish. Seorang pengguna perkhidmatan IOFC sudah tentu akan memilih IOFC yang mudah didatangi dari segi ‘accessibility’. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya kerajaan dapat meneruskan perundingan bagi mengadakan atau mewujudkan penerbangan terus daripada Hong Kong, Taipei, Tokyo, Singapura dan lain-lain lagi pusat kewangan ke Labuan. Secara ringkasnya, kerajaan harus menggalakkan penerbangan terus antarabangsa ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat menimbangkan untuk memberikan potongan cukai pendapatan sebanyak 50% atau 50% rebatement of income-tax kepada individu-individu pemastautin di Labuan termasuklah pekerja-pekerja dalam industri IOFC.

Yang ketiga, dalam usaha kita untuk meningkatkan pertumbuhan penduduk, saya ingin mencadangkan agar sebuah universiti yang menyediakan kursus dalam bidang perkhidmatan kewangan ditubuhkan di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, ini dapat menyumbang ke atas pertumbuhan ekonomi tempatan dan selanjutnya para graduan nanti akan dapat memenuhi keperluan tenaga mahir dalam perkhidmatan IOFC dan memperbanyakkan lagi bilangan warga Malaysia yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti IOFC.

Keempat, kerajaan harus menimbang untuk memberi lebih banyak insentif, khususnya kepada warga Malaysia yang bertugas di sana. Ini termasuklah memberikan potongan cukai sebanyak 50% bagi kereta-motokar yang dibeli di Labuan apabila mereka balik setelah selesai menamatkan tugas mereka di Labuan seperti yang pernah diberikan kepada pegawai-pegawai beberapa tahun yang lalu.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar perkhidmatan MSC (Koridor Raya Multimedia) dipanjangkan ke Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengangkat keupayaan perkhidmatan IOFC untuk menjadi pusat kewangan luar pesisir yang terunggul. Langkah ini akan dapat di permudahkan lagi dengan wujudnya satelit bumi kepunyaan Telekom Malaysia dan Time Telecom yang dihubungkan dengan talian ‘fiber optic’ melalui dasar laut.

Ini selari dengan cadangan penyediaan perkhidmatan tele-perubatan kepada Hospital Labuan yang akan dihubungkan dengan Hospital Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kerancangan kita mahu melihat negara kita terus mencapai kemajuan demi kemajuan, kita seharusnya jangan lupa akan kehadiran beberapa elemen yang mungkin akan menjadi faktor penghalang kepada kemajuan yang diharapkan. Dalam konteks pembangunan Labuan sebagai IOFC, saya sekali lagi ingin menarik perhatian kerajaan tentang kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin. Bukan sahaja di Labuan, tetapi di tempat-tempat lain juga. Ini jika tidak dapat dibendung ianya akan pasti secara berterusan menjadi stigma ke arah pembangunan Labuan secara keseluruhannya. Oleh kerana ianya melibatkan negara-negara lain, maka penyelesaiannya haruslah dibuat oleh kepimpinan negara ini bagi menyelesaikan masalah ini secara mutlak.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah sedemikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Labuan yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, rang undang-undang baru ini merupakan satu lagi usaha LOFSA untuk memperkenalkan dimensi baru di dalam mempercambah, mendalam dan meluaskan pasaran kewangan luar pesisir khususnya dan pasaran kewangan negara amnya.

Di dalam hujah-hujah yang dibawa oleh dua Ahli Yang Berhormat semalam dan hari ini, ada intuition yang menyatakan bahawa Labuan masih lagi ketinggalan. Ini saya akui, tetapi ingin saya nyatakan di sini walaupun perkembangan di Labuan masih boleh dipertingkatkan lagi. Perlu juga diingatkan bahawa perkembangan setakat ini juga sungguh menggalakkan khususnya apabila LOFSA ditubuh kurang dari satu tahun yang lalu. Bukti-buktinya ialah jumlah lesen bank luar pesisir setakat ini ialah 55 yang dicapai di dalam masa tujuh tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di Jersey iaitu satu pusat IOFC yang boleh dikatakan establish selama 30 tahun, jumlahnya hanya 78 sahaja, di Bahrain pula, kerana saya baru sahaja melawat minggu lalu, selepas 20 tahun sebagai IOFC, jumlah bank adalah 47, dibandingkan dengan kita hanya 6 tahun ianya 55. Di Mauritius, jumlah bank luar pesisir kurang daripada 10, dengan kata lain, 55 lesen dalam masa yang cukup pendek adalah satu pencapaian yang baik kalau dibandingkan dengan IOFC-IOFC yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun lesen insurans, iaitu yang kita bahaskan semalam sebelum akta ini dibentangkan, adalah 11 sahaja, 5 daripadanya adalah diberi dalam tahun 1996 dan dalam tiga bulan pertama tahun 1997 sebanyak 8 permohonan sedang diproses dan akhir tahun ini, insya'Allah dijangka hampir 30, iaitu lebih dua kali ganda pada akhir tahun 1996. Ini menunjukkan selepas penubuhan LOFSA, satu lonjakan yang significant yang kita dapati di dalam prestasi Labuan sebagai IOFC.

Yang ketiga, jumlah syarikat luar pesisir sekarang hampir 1,200 syarikat dan ini adalah hampir dua kali ganda jumlah pada akhir tahun 1995. Trend ini bolehlah dianggap akan berterusan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Sungguhpun bilangan syarikat bank luar pesisir, insurans pesisir, syarikat amanah pesisir dan sebagainya, sebagai syarikat-syarikat pesisir dengan syarat-syarat dan terma-terma yang begitu menarik di Labuan, bilangan akan bertambah, saya ada sebutkan semalam mungkin 120 - 150 atau 200 buah syarikat insurans dan sebagainya. Soalan pokoknya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bagi inisiatif, insentif dan segala galakan yang cukup, memang bilangan bertambah, tetapi adakah kita mempunyai keupayaan untuk mengawaseliakan supaya syarikat-syarikat ini berjalan dengan betul supaya semua wang putih itu diuruskan bukan wang hitam, itu soal pokok. Biasanya kebanyakan IOFC ini ada terlibat dengan wang hitam?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong selalu ketinggalan. Pada hakikatnya LOFSA ditubuhkan adalah satu usaha untuk memperkembangkan pengawalseliaan dan saya cakup tadi dengan penubuhan LOFSA satu kemajuan

yang significant, dengan izin, telah pun dapat dilakukan dan insya'Allah, Tuan Yang di-Pertua, apabila beban kerja yang besar didatangi oleh penambahan syarikat-syarikat luar pesisir ini, maka LOFSA akan dapat diperbesarkan dan dimajukan lagi. Janganlah Ahli Yang Berhormat dari Kepong bimbang tentang kebolehan kita untuk mengawalselia dengan adanya teknologi moden di dalam industri kewangan kita akan dapat mengawalselia dengan cekap dan berwibawa, insya'Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan beberapa isu mengenai kebolehan negara-negara seperti Israel mengambil bahagian di dalam IOFC Labuan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa di dalam akta syarikat luar pesisir atau pun mana-mana akta mengenai perdagangan, tidak dihalang warga-warga negara daripada negara yang tertentu yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia berdagang dengan kita dan rakyat dari negara-negara ini tidak pula disekat daripada menceburkan diri di dalam mana-mana syarikat yang mengambil bahagian di dalam IOFC Labuan. Pada hakikatnya Labuan adalah terbuka kepada semua orang untuk berniaga pada masa ini. Walau bagaimanapun, di dalam akta ini kuasa menteri diberi untuk memastikan secara jelas apa-apa yang difikirkan perlu di dalam hal yang mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak atau pun mana-mana peruntukan akta itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalaulah kita tak ada sekatan untuk orang-orang Yahudi itu memang saya rasa kita tidak harus bersifat perkauman. Tapi dari segi negara-negara Israel contohnya ini secara kemungkinan yang akan berlaku, kalaulah daripada kerajaan Israel 'investment' arm, dengan izin, nak melabur melalui Labuan adakah ini mengikut peruntukan yang sedia ada akan dibenarkan dan bukankah ini bercanggah dengan dasar luar negara terhadap mana-mana hubungan dengan negara-negara Israel? Kalau begitu saya rasa ini adalah sesuatu yang salah yang harus diperbetulkan kerana kalau tidak kita akan memberikan gambaran kepada negara Israel bahawa kita menyokong penderaan yang mereka lakukan ke atas orang Palestin dan saya rasa itu adalah sesuatu yang tak boleh diterima langsung.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka perlu memisahkan dua perkara di dalam hubungan antarabangsa iaitu pertama perhubungan

di antara negara dengan negara. Yang kedua, perhubungan antara rakyat negara itu dengan rakyat di negara kita. Jadi apa Yang Berhormat sebut sebagai satu contoh tadi tentu sekali kita tidak membenarkan mana-mana syarikat yang dipunyai oleh negara Israel memasuki negara kita dan peruntukan ini tidak dapat diwujudkan secara spesifik di dalam akta ini tetapi ianya boleh disekat melalui peruntukan kuasa yang diberi kepada Menteri.

Mengenai dengan individu-individu daripada Israel ini termasuk di dalam perhubungan antarabangsa 'people-to-people-contact' kita benarkan kerana yang salah itu bukan orang Yahudi individu tetapi kerajaan Zionis yang mempunyai dasar yang kita tentang. Kalau Yang Berhormat ingat dulu, apabila kita memegang pada dasar satu China 'one China policy' yang mana selepas diterima oleh almarhum Tun Razak 'one China policy' sebelum itu kita mengiktiraf Taiwan sebagai satu negara. Apabila 'one China policy' diwujudkan maka Taiwan disingkir tetapi perhubungan antara rakyat Taiwan dan rakyat Malaysia terus, pada tahap 'people-to-people-contact' dan rakyat Taiwan yang mempunyai perniagaan di Malaysia tidak disekat, begitu juga rakyat Malaysia yang mempunyai perniagaan di Taiwan tidak disekat. Yang disekat ialah firma-firma yang dipunyai oleh kerajaan Taiwan seperti Redser, China Steel dan lain-lain lagi. Rakyat Taiwan misalannya

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: nanti sekejap, rakyat Taiwan seperti katalah Lim Guan Eng ataupun Tan Seng Giaw berniaga di sini dibenarkan, tidak ada masalah. Tetapi kalau Redser, satu syarikat yang dipunyai oleh kerajaan Taiwan itu kita tidak benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa apa, kalau tentang orang Yahudi seperti saya katakan tadi saya rasa tidak ada sebarang bantahan. Orang Yahudi khususnya kerana orang Yahudi mempunyai kuasa ekonomi yang begitu kuat di Amerika Syarikat dan orang Yahudi di Amerika Syarikatlah saya rasa kita yang hendak tarik mereka melabur dalam IOFC Labuan. Tapi yang saya sebutkan tadi seperti yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tak ada peruntukan spesifik untuk melarang syarikat-syarikat daripada negara yang kita tidak akui sama ada daripada Taiwan atau Israel. Tapi saya rasa masalah ini bukan Taiwan, itu tak jadi

isu. Saya rasa di sini itu bukanlah amalan negara Taiwan untuk membuat pelaburan secara besar-besaran di luar negeri. Tapi isu ialah tentang Israel, apakah pihak kerajaan ada satu pertubuhan khas untuk menapis latar belakang individu-individu dari Israel yang ingin melabur di IOFC Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah, dengan izin, seorang yang mempunyai closed mind dari segi hubungan antarabangsa, saya bersetuju kita harus berniaga atas landasan kepentingan ekonomi. Tetapi pada masa yang sama kepentingan politik pun sama-sama mestilah dijunjung dan ditegakkan. Dan kalau latar belakang seorang peniaga dari Israel yang menyokong dengan kuat dasar kerajaan Israel bagaimana kita akan tahu. Oleh sebab itu kalau dalam peruntukan undang-undang tidak ada sebarang halangan ke atas syarikat-syarikat milikan kerajaan Israel ataupun individu yang sokong kuat dasar tanah kerajaan Israel, saya rasa ini tidak kena pada tempatnya dan apakah jaminan yang pihak kerajaan boleh berikan dalam perkara ini kerana saya rasa ia masih tetap bercanggah dengan dasar kerajaan atau tidak juga kehendak rakyat Malaysia.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka hendak complicate isu, jadi persoalannya di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah persoalan prinsip kalau kita hendak mencatatkan satu perkara yang spesifik, menghalang seorang warganegara Israel yang menyokong dasar Benjamin Netanyahu, itu memang tidak perlu kerana peruntukan yang diberi kepada menteri telah wujud dan telah cukup. Jadi kalau kerajaan Malaysia memikirkan perlu disekat individu bukan syarikat negara Israel tetapi individu yang menyokong. Misalannya dia menjadi bendahari kepada pertubuhan Zionis sedunia, itu boleh digunakan melalui kuasa menteri. Jadi kalau hendak dimasukkan sebagai satu spesifik, saya fikir ini tidak kena pada tempatnya dan memang kerajaan akan membuat begitu dengan menggunakan kuasa peruntukan yang diberi kepada menteri di dalam akta ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu mengadakan perbahasan yang panjang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara ini kerana saya rasa kita sudah sampai satu tahap 'we agree to disagree' tapi ini sebagai satu penjelasan yang terakhir mengenai perkara ini. Saya rasa saya ingin menyatakan perasaan bantahan dan juga tidak menyetujui

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak meminta penjelasan atau hendak buat penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Meminta penjelasan, sama ada beliau bersetuju bahawa apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila tidak ada peruntukan yang khas tentang perkara ini akan menimbulkan masalah kelak sepertimana sungguhpun negara tidak ada hubungan dengan negara Israel tetapi pasukan sukan kriket mereka dibenarkan masuk. Saya rasa keadaan demikian mungkin akan berlaku kelak.

Saya tak mahu berhujah panjang lebar tentang perkara ini tetapi saya rasa apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sesuatu yang tidak boleh diterima kerana sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak ia bercanggah dengan dasar negara ini, tidak boleh adakan hubungan dengan kerajaan Israel dan kalau ini tidak ada peruntukan khas saya rasa masalah tetap akan timbul kelak kalau ada pelaburan dari negara Israel. Itulah hujah dari saya dan as I said again I restate my opposition tanpa peruntukan khusus untuk menangani isu ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kita sebagai kerajaan, kita pegang prinsip perhubungan antarabangsa (international relations). Saya tidak menyatakan di sini bahawa kerajaan Malaysia yang ada pada masa ini memersetujui apa yang dilakukan oleh Zionis di Israel. Tetapi apa yang sebab kita menspesifikasikan perkara itu ialah untuk membolehkan orang-orang yang tidak berdosa di Israel memasuki perdagangan. Soal dia datang main kriket itu soal lain, apa yang saya maksudkan di sini ialah international relations with reference to international trade. Jadi di Israel itu bukanlah semua orang-orang Yahudi menyetujui dasar yang dibawa oleh Benjamin Netanyahu, ada yang menunjuk perasaan, menunjukkan ketidaksetujuan mereka ke atas dasar yang dibawa oleh kerajaan sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga tidak perlu bimbang mengenai dengan persaingan prioritas di antara MSC dan Labuan IOFC. Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk menghubungkan Labuan dengan Multimedia Super Corridor. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyebut di dalam ucapan beliau bahawa MSC bolehlah menggunakan Labuan sebagai pusat kewangan untuk membiayai pelaburan di dalam MSC. Kerajaan tidak akan alpa di dalam usaha untuk membangun Labuan dan

usaha-usaha untuk membolehkan Labuan take-off terlebih dahulu sedang dijalankan dengan gigihnya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Labuan tadi mengadakan keseluruhan infrastruktur yang sempurna, yang cukup.

Mengenai pelaburan untuk Labuan IOFC, ingin saya senaraikan berikut. Senarai Pelaburan ini diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka- Financial Park sebanyak lebih kurang RM400 juta yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia dan juga bank-bank lain. Projek Telekomunikasi oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad yang dibeli daripada Satellite State dan juga Fiber Optic yang mana projek, ongkosnya lebih kurang RM500 juta. Peruntukan kepada Labuan Development Agency untuk projek infrastruktur sebanyak RM185.45 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bukan RM90 juta sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kepong semalam dan juga pelaburan-pelaburan lain yang dibuat oleh pihak swasta yang saya tidak dapat memberi angkanya secara tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Kewangan akan cuba menyusun lawatan Ahli Parlimen ke Labuan pada satu masa nanti, insya-Allah, seperti mana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum kita pergi ke perkara lain, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerajaan tidak akan alpa dalam membangunkan Labuan, adakah ini bermakna bahawa flagship applications yang wujud dalam MSC akan dikorbankan supaya pembangunan IOFC tidak ketinggalan dan saya rasa Yang Berhormat masih belum menjawab soalan saya sama ada konsep IOFC Labuan sudah ketinggalan zaman dalam keadaan electronic commerce di mana pemilihan wang boleh dibuat dengan sekelip mata sahaja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang berlaku sekarang iaitu dengan adanya flagship MFH iaitu di Kuala Lumpur sememangnya tidak akan mengorbankan Labuan. Soalnya ialah soal kita mengaplikasi atau mengimplementasikannya mengikut keutamaan pada sesuatu masa dan pihak Suruhanjaya Sekuriti telah menyatakan bahawa

penubuhan MFH di Kuala Lumpur tidak akan menjejaskan Labuan sebagai IOFC sekiranya MFH diwujudkan untuk kegunaan industri kumpulan wang yang beroperasi dalam negara, iaitu on shore fund management industry, manakala MFH juga dengan sokongan teknologinya akan memudahcarakan dan mempertingkatkan pembangunan industri pengurusan kumpulan wang dalam negara.

Jadi kalau dipisahkan kedua-dua ini mungkin ianya tidak akan mengorbankan IOFC yang mana MFH adalah dispesifikasikan kepada on shore fund dan IOFC Labuan dispesifikasikan kepada off shore fund. Jadi itulah jawapan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa flagship applications, aplikasi flagship mengenai International Fund Haven (MFH) sudah ditangguhkan sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun sehingga IOFC di Labuan boleh mature berjaya. Ini menunjukkan bahawa dan sebenarnya sekarang bukan lapan application tetapi sudah menjadi tujuh applications, bukankah benar? Dan kedua bukankah ini menunjukkan dalam masa yang begitu singkat lapan flagship applications boleh dikurangkan kepada tujuh flagship applications, menunjukkan bahawa kajian mengenai MSC atau aplikasi-aplikasi MSC tidak begitu teliti, tidak begitu terperinci semacam smart schools pada Ogos apabila masa diumumkan satu smart school sahaja dalam Putrajaya. Sekarang 92 dan patutnya tak patut digelar sebagai smart schools. Bukankah ini menunjuk bahawa semua perancangan tidak begitu teliti?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, inilah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong saya tahu satu daripada hobi beliau sekarang ini iaitu merupakan menunjuk minat yang tinggi dalam hal ini. Yang Berhormat mempunyai expectation terlalu tinggi. Sepertimana kita sedia maklum bahawa MSC adalah satu konsep yang belum lagi diterokai di mana-mana. Apa-apa perancangan yang dibuat di dalam MSC adalah perancangan yang meraba-raba, tidak ada model di mana tempat untuk kita guna.

Jikalau Yang Berhormat hendak menuduh bahawa ini tidak cekap berdasarkan kepada pengalaman dan model di lain-lain negara kita boleh tiru, kita boleh terima. Tetapi MSC yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu perkara yang baru, yang mana kita boleh menyifatkannya pada masa sekarang hanya pada peringkat 'conceptualisation' sahaja.

Jadi, apa yang kita lakukan itu adalah satu perkara yang kita raba-raba dalam gelap dan kalau kita dapat satu, alhamdulillah.

Mengenai dengan MFH Yang Berhormat bertanya tadi memang Kabinet telah menangguhkan aplikasi MFH selama dua tahun untuk membolehkan Labuan 'take-off', untuk tidak mengorbankan Labuan, kerana Kabinet takut jikalau di 'approve' MFH pada masa ini, kemungkinan masalah Labuan akan timbul. Tetapi apa yang saya kata tadi Suruhanjaya Sekuriti memandangkan jikalau dipisahkan MFH menjaga 'on shore fund' dan Labuan spesialisasi 'off shore fund', mungkin MFH tidak perlu ditangguhkan sehingga dua tahun. Tetapi pihak Kabinet mengambil langkah untuk berjaga-jaga. Kemungkinan keputusan ini tidak merupakan keputusan yang kita kata rigid.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam mana kita boleh pisahkan di antara 'on shore' dan 'off shore' melalui electronic commerce? Kerana saya rasa dalam IT atau menerusi komputer tanpa sempadan, tidak bersempadan, borderless dalam perdagangan dan perniagaan. Dalam Internet it is borderless. Macam mana kita boleh menggariskan di sini on shore, di sana off shore? Tidak ada sempadan yang wujud langsung, semua di cyber space sehingga tidak ada sempadan langsung.

Oleh sebab itu, kalau kita menangguhkan pembangunan 'flagship application' yang saya rasa paling penting kalau MSC hendak berjaya, adakah ini merupakan satu pengorbanan MSC dan mungkin mencatatkan kejayaan MSC? Saya rasa itu satu soalan yang sama.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak bertanya balik soalan kepada Yang Berhormat, macam mana kita tidak boleh memisahkan? Yang Berhormat bertanya saya macam mana kita boleh memisahkan. Saya hendak bertanya macam mana kita tidak boleh memisahkan? Kerana teknologi ini teknologi yang masih lagi dibangunkan, dan mungkin di dalam masa sekelip mata kita boleh memisahkan. Sebab tidak ada ketentuan yang khusus, tidak ada penentuan yang tetap di dalam teknologi IT. Dengan adanya reserch and development, kemungkinan cara-cara untuk memisahkan wujud dalam masa sebulan, dua bulan lagi ataupun setahun, dua tahun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa risiko yang diambil oleh kerajaan untuk menangguhkan satu flagship application yang mereka anggap penting demi memastikan pembangunan Labuan boleh terus maju, adalah satu risiko yang terlalu tinggi. Kerana kalau kita hendak membangunkan MSC tanpa flagship application dari segi pemindahan wang, macam mana ia boleh take-off, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dan yang lebih penting, kalau kita tengok bill of guarantee yang wujud dalam MSC, adakah ini bermakna kalau kita hendak membangunkan Labuan, syarat-syarat yang sama pun akan terpakai untuk Labuan? Kalau tidak, saya rasa kita tidak boleh ada dua tempat di mana senario, di mana alam, atmosphere atau syarat-syarat berlainan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mesti ambil dua tahun tidaklah masa yang lama. Malah MSC masih lagi pada conceptualisation stage, dengan izin. Dan di dalam conceptualisation ini, ianya mengambil masa setahun, dua tahun. Jadi, kalau ditangguhkan dua tahun, ianya tidak akan mengorbankan MSC. Kerana pada masa sekarang dari segi fizikal MSC belum lagi naik, mungkin kita telah adakan. Dalam perancangan masa-masa yang tertentu diberi jadual-jadual yang tertentu. Kalau setahun, dua tahun tidaklah begitu lama, dan ianya tidak merupakan risiko yang besar untuk menggagalkan MSC.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bukan sahaja dua tahun. Setengah tahun ataupun tiga bulan dalam Internet, adalah sangat lama, terlalu lama, kerana perkembangan yang begitu cepat dalam industri komputer. Di sini saya ingin balik kepada soalan pokok saya, iaitu kalau kita terus mengutamakan IOFC Labuan, dengan izin, are we not throwing good money after already a bad investment choice. Kerana IOFC Labuan, apabila dua tahun sudah sampai, mungkin tidak dapat memainkan peranan seperti yang dirancangan oleh pihak kerajaan, kerana pada masa itu keadaan MSC di mana-mana negara lain pun boleh bermain peranan sebagai sebuah IOFC tetapi di cyber space.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah berasa confuse. Apa yang saya kata tadi dua tahun bukan dari segi siber. Apa yang saya kata dua tahun tadi ialah penyediaan fizikal. Dan di dalam masa dua tahun sementara kita menunggu kedatangan modal-

modal dari luar melalui cyber space, kita dalam negara sendiri mempunyai modal-Modal yang banyak. National saving kita adalah 38.8% of GNP dan cukup untuk membiayai dalam masa setahun, dua tahun itu. Bukan bermakna ketiadaan, kemasukan modal dari luar, MSC tidak boleh berjalan. Dalam negara kita sendiri pun wujud modal yang liquid, yang cair. Apa yang berlaku dalam negara kita sekarang kerajaan tidak meminjam dari luar, dan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi national saving kita sedang dilakukan dengan jayanya. Insya-Allah, pada tahun depan mungkin ia mencapai kepada 40% daripada KNK.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana sokongan International Money Fund Haven Act atau IMFH ada dibuat bukan beberapa tahun dahulu, tetapi 8 bulan dahulu. Dalam masa yang begitu singkat keputusan sudah dibuat oleh Kabinet untuk menangguhkan untuk dua tahun supaya tidak menjejaskan pertumbuhan Labuan sebagai satu IOFC. Soalan saya, bukan kita mengkritik, menentang, kita faham, dalam MSC meraba-raba dalam gelap, groping in the dark. Tetapi kita haraplah groping in the dark, kita boleh lihat light at the end of the tunnel. Bukan darkness pada akhirnya. Tetapi soalan saya ialah apabila kerajaan mengumumkan bahawa satu flagship application ialah sebagai MFH, adakah satu kajian dibuat sama ada ia akan menjejaskan influence pertumbuhan Labuan?

Kedua, keputusan ialah dua tahun. Adakah satu projection dalam dua tahun, apa pencapaian boleh dibuat oleh Labuan supaya flagship application in boleh dihidup semula, dan sekarang adakah satu kajian dibuat untuk banding kedudukan Labuan sebagai IOFC dengan IOFC yang lain, sama ada setanding atau inilah Labuan merupakan satu kes yang tidak begitu berjaya apabila dibanding dengan IOFC lain di dunia?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjong baca *Hansard*, sebab sebelum dia masuk tadi saya telah membanding IOFC Labuan dengan Jersey, dengan Cayman Islands dan dengan lain-lain, dan Labuan adalah dalam masa yang singkat Labuan is on top, dengan izin. Jadi, saya sudah jawab soalan tadi. Persoalan mengenai dengan apakah kajian dibuat sebelum kerajaan mengisytiharkan lapan flagship termasuk MFH.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini adalah persoalan yang tidak perlu diperbesarkan, kerana

apabila kerajaan mengutarakan satu projek yang saya kata tadi projek yang pioneer, kerajaan perlu membuat pengisytiharan berdasarkan kepada ketiadaan maklumat dan ketiadaan model. Jadi, kalau kerajaan telah mengisytiharkan MFH dan selepas tujuh bulan tidak dapat dilakukannya segera, dan tidak semestinya MSC tidak mendapat modal, apakah itu kesalahan besar bagi kerajaan? Tujuh lagi flagship yang sedang diusahakan, dan wang yang Yang Berhormat gaduh sangat mengenainya, wang dalam negara pun ada. Kalau hendak dijalankan pada peringkat yang pertama, ianya mencukupi modal di dalam negara. Yang saya kata tadi berasaskan kepada national saving yang tinggi, yang wujud dalam negara kita pada peringkat yang awal.

Kalau Yang Berhormat mengamati apa yang dipanggil acceptance curve, pada permulaan curvenya adalah lambat apabila pembinaan satu quantum modal yang mengambil masa dua tahun yang besar, barulah dia naik. 's' curve of acceptance ataupun as curve of implementation. Jadi, Yang Berhormat patut faham bahawa tiap-tiap satu pengimplimentasian ia tidak berlaku secara mendadak, ia berlaku mengikut 's' curve.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya setuju dengan acceptance curve yang rujukan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi dalam usaha menjayakan MSC, saya rasa kita harus memberikan keutamaan. Di manakah ia harus diletakkan. Ia mesti diletakkan di atas puncak senarai keutamaan kita. Saya rasa kita tidak harus menangguhkan apa-apa flagship applications. Itu yang sangat penting. Kerana kalau kita buat demikian, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi, maklumat atau Era Maklumat adalah industri yang paling kritikal untuk Malaysia dapat mencapai status negara maju.

Kalau tidak menerusi value added, productivity driven menerusi industri maklumat, saya rasa usaha kita untuk menjadi negara maju mungkin tidak tercapai. Kalau begitu, mengapa kita perlu menangguhkan sesuatu apabila kita perlukan semua sumber-sumber untuk menjayakan MSC. Kalau kita tidak gugurkan flagship applications kelapan, MFH Fund Haven, tidak ada jaminan kita akan berjaya juga. Tetapi kalau kita mencatatkan diri sendiri, saya rasa kita macam menikam diri sendiri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: MFH bukan bermakna kita tidak boleh lancarkan. Saya kata tadi modal dalam negara sudah cukup pada peringkat yang awal 's' curve itu. Sebenarnya Yang

Berhormat telah memutarbelitkan. Bukan bermaksud kita tidak membenarkan MFH berjalan sekarang tidak boleh berjalan MSC. Boleh berjalan. Tetapi ia kena pada tempatnya. Yang Berhormat jangan kelirukan bahawa cyber space memang cepat. Tetapi space yang di bawah, hendak korek tanah, hendak buat bangunan memang lambat. Jangan kelirukan itu, dan ia mengambil masa. Jangan bawa satu argument daripada satu premis kepada premis yang kita argue. Yang saya argue, dengan izin, sekarang ialah ianya mengambil masa di dalam pembinaan pembangunan fizikal. Di dalam masa ini, kita boleh, kalau apa daripada cyber space datang, kita boleh menggunakan modal yang ada dalam negara kita. Jadi, ini tidak menjadi kritikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada IOFC Labuan, harap dalam dua tahun dia boleh mature, dan selepas itu MSC, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa tidak lama lagi pusat wang luar pesisir atau off shore centre ialah Internet. Internet akan ultimate off shore financial centre yang ultimate yang boleh menghadapi semua IOFC? Bukankah ini satu perkara yang sangat mendesak?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Semua orang yang mengetahui tentang cyberspace bersetuju bahawa Internet akan menjadi medium yang mutlak di dalam pengaliran wang. Tetapi apa yang kita bincangkan tadi ialah soal hendak menaikkan atau develop flagship MFH tadi, ianya mengambil masa dan kerajaan membuat keputusan. Bukan keputusan kerajaan menangguhkan MFH bahawa MSC tidak akan naik, ianya mengikut prioriti pada satu-satu masa.

Jadi, itulah hujah saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dengar betul-betul, tidak ada masalah di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan selain daripada membangkitkan.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Bandau juga hendak berbahas, okay. Bandau tidak ada semalam. Sekejap ini jadi macam Tanjong, apa yang saya bercakap, hendak diulangkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya dengar sebahagian juga.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Ya, ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya hendak kembali, Tuan Yang di-Pertua, kepada penjelasan awal tadi kerana ini membingungkanlah bahawa dalam pembentukan MSC ini ia sekadar dalam bentuk conceptual, merebak-rebak dan sedang dalam percubaan. Tetapi pada masa yang sama kerajaan sedang dan akan membentangkan beberapa bil yang tertentu dan telah pun mewujudkan beberapa insentif yang akan diberi kepada pelabur-pelabur. Jadi, adakah ini betul ia masih dalam conceptual, pada hal sebenarnya ini sudah dalam peringkat pelaksanaan ataupun ini mengelirukan bagi mereka yang sebenarnya ingin mengambil bahagian dalam projek dan pembangunan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Yang Berhormat sebagai seorang Ph.D mesti memahami hakikat ini. Apabila kita ada satu naveless idea, untuk mewujudkan idea itu pada peringkat implementation, kita memerlukan 'a certain structure' dan structure itulah yang kita wujudkan, apa yang dikatakan akta cyber ini dan structure itu dia bukan menjadi structure yang ossify, dengan izin, yang beku, ianya akan dipinda dari masa ke semasa. Kalau tanpa undang-undang yang akan dibentangkan di Parlimen ini, di mana kita akan bermula di dalam hal mewujudkan structure MSC dalam negara kita?

Yang Berhormat sedia maklum, kita di dalam methadology, Ph.D dengan Ph.D, okay, kita boleh bincang sekarang, kita wujudkan hypothesis. Daripada hypothesis itu kita bina theory. Selepas itu, kita test hypothesis - null hypothesis, bina theory. Daripada theory itu kita mempraktikkan. Ini adalah analogy, Yang Berhormat mesti faham.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan itu. You have to have the beginning, dari sana you have to testing dan seterusnya kepada model construction. Tetapi untuk dalam peringkat ini di mana sudah sampai ke peringkat undang-undang akan diluluskan oleh Parlimen untuk melaksanakan, pasti dia sudah sampai ke peringkat model yang sudah teruji, sudah di peringkat pelaksanaan, walaupun pasti ada semakan balik, refinement dan seterusnya. Tetapi kalau sudah sampai ke peringkat di mana undang-undang akan dilaksanakan untuk menjaga pelaksanaannya pada keseluruhannya, it cannot be still at the conceptual level, it has to be at the polished conceptual framework and already at the implementation level. Kalau sudah ada perubahan

that to refining the concept, tetapi pasti sudah dalam concept hypothesis and passed the conceptual level, it is already at the testing implementation level. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Di dalam undang-undang, kita mula dengan norma - norms, patern of norms, selepas itu dengan morales, selepas morales baru kita adakan undang-undang. Jadi, pada peringkat ini norma di dalam cyberspace telah ada berdasarkan kepada apa yang telah berlaku dan apa yang telah dipraktikkan. Morales pun telah ada berdasarkan kepada apa yang kita tengok dalam cyberspace yang wujud pada masa sekarang.

Yang kita hendak wujudkan undang-undang ini ialah untuk memastikan bahawa elemen-elemen dalam norma dan morays itu dimaktubkan, diinstitutionalisenkan dan ini tidak semestinya merupakan satu model yang rigid, model yang tidak boleh diruntuhkan, tidak boleh ditukargantikan dan kita mulakan dengan ini. Bagi saya mengatakan pada peringkat conceptualisation stage itu bukan bermaksud ianya naveless, seperti plus one second of Big Ben yang tidak ada structure di dalam kejadian dunia ini. Structurennya telah wujud pada satu peringkat.

Jadi, Yang Berhormat sedia maklum, kalau tanpa kita membentangkan cyberspace berasaskan kepada norma dan cara-cara yang ada, kita tidak akan ada satu cara untuk mengimplementasinya. *[Disampuk]* Memang kita kena meraba-raba. Dalam undang-undang pun meraba-raba. Apabila Jenghis Khan mewujudkan undang-undang, sesiapa yang kencing di dalam sungai, dia dihukum bunuh - itu meraba-raba. Kalau kita lihat sekarang masalahnya ialah masalah kecil, tetapi mengapa dihukum bunuh? Oleh sebab kehendak masa itu, tetapi sekarang apakah hukuman bunuh masih wujud di Mongolia untuk orang yang kencing dalam sungai? Sebab, di zaman Jenghis Khan dia meraba-raba.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Last point. Saya rasa di dalam peringkat sesuatu perancangan yang begitu besar sekali dan dikatakan satu langkah yang Malaysia ingin ambil, dengan izin, we really had to go beyond just concept and conceptionalisation. Dan untuk bagi pelabur-pelabur yang ingin melibatkan diri, I think they want a confidence government to say this is still need polishing but from here implementation is like this. Then I think people are confident to put their money in a system. Kalau still we are finalising of concept, then it is not attractive for people to

participate and the government have to be confident I am sure, I think, dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, saya pun hendak jawab dalam bahasa Inggeris, dengan izin. You have taken my word 'conceptualisation' too far, you have stretch it too far. Apa yang saya maksudkan di sini, apabila kita hendak mewujudkan undang-undang cyberspace ini, kita hendak mewujudkan confidence. Apabila ada undang-undang, orang confident. Kalau kita masih lagi meraba-raba, orang tidak ada confident. So, you have answer your own question.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan isu apakah usaha hendak menjadikan Kuala Lumpur sebagai regional financial centre sama dengan apa yang kita bahaskan tadi, ia akan mengorbankan Labuan, sebenarnya saya telah jawab. Itu yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan apakah implikasi cukai ke atas perkongsian luar pesisir terhad. Perkongsian luar pesisir terhad bukanlah sebuah syarikat luar pesisir di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tetapi didaftar di bawah Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir, iaitu akta yang saya bentangkan ini, akta baru 1997. Implikasi cukai iaitu Perkongsian Terhad Luar Pesisir (PTLP) adalah satu perjanjian atau perikatan dan bukanlah sebuah entiti asing. Oleh itu, bukanlah orang ataupun person, dengan izin, dan tidak dikenakan cukai di Malaysia sama ada di bawah LOBATA ataupun Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, rakan kongsi akan dikenakan cukai di atas sebahagian keuntungan dari perkongsian.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan struktur cukai ini. Sekiranya rakan kongsi adalah syarikat luar pesisir, ianya dikenakan cukai di bawah LOBATA ataupun sekiranya seseorang individu pemastautin, bukan pemastautin, dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana ianya adalah pendapatan yang berpunca di Malaysia. Sekiranya rakan kongsi adalah syarikat bermastautin dan tidak bermastautin, ianya dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 sepertimana yang saya sebut tadi. Begitu juga firma perkongsian Malaysia, syarikat asing, perkongsian asing. Faedah percukaian dua kali dapat dirasai oleh rakan kongsi, iaitu rakan kongsi dicukai di negara asal di atas pendapatan yang dibawa pulang, iaitu bahagian

keuntungan perkongsian dan akan menikmati kredit cukai kerana pendapatan yang sama telah dikenakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, hak untuk membenarkan kredit cukai adalah terletak kepada kuasa negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan beberapa perkara pada hari ini iaitu persoalan yang beliau bangkit mengenai subseksyen 34(1) pendaftaran adalah menerusi syarikat amanah dan beliau bertanya apakah kebolehan diberi kepada individu bertentangan dengan seksyen 41(3) mengenai kerahsiaan.

Ingin saya jawab di sini, sebenarnya tidak terdapat percanggahan di antara kedua-dua peruntukan tersebut kerana seksyen 41(3) membenarkan pendedahan maklumat tentang sesuatu perkongsian tersebut menurut peruntukan akta ini. Lagi pun, pemeriksaan serta pemerolehan sesuatu maklumat tersebut hanya dibuat dengan persetujuan rakan kongsi perkongsian berkenaan.

Peruntukan mengenai pemeriksaan tersebut telah diadakan untuk melindungi sesiapa sahaja yang ingin berurus niaga dengan mana-mana perkongsian dengan memberi peluang kepada mereka untuk menyemak dokumen-dokumen mengenai sesuatu perkongsian tersebut dan memastikan kesahihannya. Seksyen 30(a) menghadkan dokumen yang boleh diperiksa. Ianya tidak memberi keseluruhan kuasa kepada semua yang dipinta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan mengenai seksyen 28(2) iaitu apakah akibat daripada kuasa Menteri, adakah ianya memberi masa kepada perkongsian tersebut membuat penjarangan yang tertentu. Ingin saya nyatakan di sini bahawa sekiranya Menteri menjalankan kuasa-kuasa seperti yang tersebut tadi, masa yang munasabah akan diberikan kepada perkongsian tersebut untuk mematuhi larangan yang berkenaan.

Peruntukan tersebut telah diadakan untuk memberi kuasa kepada Menteri menghadkan serta melarang perkongsian tersebut daripada menjalankan sesuatu perniagaan yang tidak sesuai dan bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan. Peruntukan yang sama juga ada dibuat dalam Akta Syarikat Luar Pesisir seperti terdapat di dalam seksyen 148(1)(c).

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Labuan memberi lima cadangan, iaitu:-

- penerbangan terus di antara IOFC-IOFC ke Labuan;
- potongan cukai pendapatan sebanyak 50% untuk individu pemastautin di Labuan;
- mewujudkan sebuah universiti yang menyediakan kursus perkhidmatan kewangan;
- mewujudkan insentif kepada warga Malaysia yang bertugas di Labuan;
- perkhidmatan MSC dipanjangkan ke Labuan; dan
- kehadiran pendatang tanpa izin perlu diambil perhatian.

Saya berjanji akan mengkaji semua cadangan ini untuk membolehkan Labuan meneruskan usahanya menjadi satu IOFC yang terkenal di dunia.

Dengan itu, saya ingin lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang membahaskan akta ini dan juga rakan-rakan tadi yang baru mengambil bahagian, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli Yang Berhormat dari Bandau. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan seorang notari awam dibuat oleh Peguam Negara di bawah seksyen 3 Akta Notari Awam 1959. Pada awalnya apabila seseorang dilantik menjadi notari awam, tempoh perlantikan itu tidak dinyatakan. Ini bererti bahawa beliau menjadi notari awam sepanjang hayatnya.

Perlantikan seseorang notari awam hanya boleh dibatalkan jika namanya telah dipotong daripada daftar Peguambela atau dia didapati telah menjalankan fungsi-fungsinya sebagai notari awam di luar tempat amalannya.

Dalam tahun 1980 melalui Akta A501, Akta Notari Awam 1959 ini telah dipinda dengan memberi Peguam Negara kuasa budi bicara untuk menentukan tempoh perlantikan. Pindaan melalui Akta A501 itu dibuat untuk memudahkan pengawasan dan pengawalseliaan dibuat terhadap notari awam.

Pindaan ini hanya mula berkuatkuasa pada 1hb. Ogos, 1991 melalui PU(B) 386/1991. Sejak tarikh 1hb. Ogos, 1991 itu, Peguam Negara telah melantik notari awam selama suatu tempoh tertentu iaitu pada mulanya satu tahun dan kemudiannya dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada pindaan yang berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos, 1991 itu, wujudlah dua kategori notari awam iaitu yang dilantik sebelum tarikh itu yang perlantikannya adalah untuk sepanjang hayat dan yang dilantik selepas tarikh itu yang menjadi notari awam hanya selama suatu tempoh tertentu. Kerajaan berpendapat bahawa wajarlah tempoh perlantikan semua notari awam diselaraskan.

Oleh yang demikian, rang undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada seksyen 3 Akta Notari Awam 1959 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang menghadkan tempoh perlantikan seseorang notari awam yang tempoh perlantikannya tidak

dinyatakan dalam surat perlantikannya kepada dua tahun sahaja selepas tarikh subseksyen (1A) itu mula berkuatkuasa.

Namun demikian, beliau boleh dilantik semula di bawah subseksyen 3(1) iaitu untuk selama satu tempoh yang ditentukan. Ini diperuntukkan dalam subseksyen (1B) yang juga dicadangkan melalui rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam tahun 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

4.50 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959 ini dengan hanya mengemukakan satu soalan yang pendek sahaja.

Notari Awam ini adalah satu pengesahan yang diterima bukan sahaja dalam urusan di dalam negeri tetapi juga dalam urusan antarabangsa. Maknanya notarization ini dilakukan untuk transaksi antarabangsa.

Dalam konteks kita memperkenalkan Akta Tandatangani Digital yang telah pun dibentangkan untuk bacaan pertama, saya ingin bertanya adakah ada perancangan supaya kita memperluaskan notari ini untuk membolehkan notarization ini dilakukan secara digital kerana kalaulah notarization ini boleh dilakukan secara digital maka ia adalah selari dengan hasrat Akta Tandatangani Digital yang kita bentangkan dan akan dibincangkan pada minggu hadapan dan sekali gus menyumbang ke arah pembangunan Koridor Raya Multimedia yang dihayatkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja persoalannya, sama ada hendak mendigitalkan notari awam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, semasa ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan), beliau ada menyatakan bahawa tempoh yang akan diputuskan oleh Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa seperti Commissioner of Oath, syarat-syarat untuk melantik notari awam adalah tidak jelas dan tidak mengikut sesuatu kriteria yang telus, yang terang tetapi mengikut budibicara pihak Peguam Negara.

Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa selain daripada kelayakan menjadi seorang peguam, tidak ada syarat-syarat lain yang dikenakan. Di sini mungkin menimbulkan penyalahgunaan kuasa ataupun pilih kasih di mana orang tertentu hanya akan dipilih oleh Peguam Negara untuk menjadi menteri awam dan bolehkah saya mencadangkan bahawa untuk mengelakkan kerana amalan rasuah sekarang seperti yang saya pernah katakan menjadi satu perkara yang amat ditakuti dan dibenci oleh rakyat.

Dan untuk mengelakkan tanggapan bahawa Peguam Negara juga terlibat dalam gejala seperti ini, bolehkah pihak kerajaan merancang atau merangka satu garis panduan syarat-syarat yang mesti dipenuhi sebelum seseorang hendak berjaya menjadi Notari Awam supaya ia spesifik dan tidak terpulang semata-mata kepada budibicara Peguam Negara.

Kerana sepertimana yang kita tahu, kalau hanya terpulang kepada budibicara Peguam Negara telah terbukti terlalu banyak kali bahawa Peguam Negara kadang-kadang tidak mengikut lunas-lunas yang ditetapkan tetapi mengikut faktor-faktor lain yang tidak ada kena mengena langsung dengan undang-undang atau dengan sistem perundangan.

Dan ini membawa banyak keadaan yang berlawanan dengan asas perundangan dan keadilan dan juga mencemarkan prestij dan imej sistem perundangan kita. Oleh sebab itu, saya ingin meminta bahawa dalam meminda Akta Notari Awam ini untuk menjadikannya selaras, ia 'uniform' di seluruh negara. Saya rasa adalah perlu juga bahawa kerajaan juga menjadikan uniform proses perlantikan seorang notari awam. Kalau tidak nanti, apabila timbul apa-apa masalah notari awam, kalaulah ia menjadi masalah yang serius notari awam negara kita tidak diterima di peringkat antarabangsa. Saya rasa itu akan menjadi sesuatu yang sungguh memalukan.

Pada masa yang sama, selain daripada Peguam Negara bolehkah saya mencadangkan kerana saya rasa Peguam Negara mempunyai tugas yang lebih penting, selain daripada meluluskan melantik notari awam kerana kita tidak mahu memberi anggapan ini adalah macam pork-barrelling, dengan izin atau seperti benefit yang boleh diberikan kepada pihak tertentu. Bolehkah lantikan ini dipindahkan kuasa daripada Peguam Negara kepada satu badan yang lain, yang bebas di mana hanya kelayakan mereka ditentukan.

Saya rasa Peguam Negara ada perkara yang lebih penting daripada melantik notari awam untuk diluluskan dan saya rasa selagi ini tidak diikuti mungkin ia akan menjadi satu isu tentang pemilihan atau kuasa yang digunakan oleh pihak Peguam Negara untuk melantik seseorang notari awam. Dan di sini saya pernah menyatakan bahawa saya tidak begitu yakin tentang kebolehan dan kewibawaan Peguam Negara sekarang, kerana beliau telah menunjuk banyak kali bahawa beliau tidak boleh menjalankan tugasnya dengan adil, baik dan sempurna, macam kes Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bekas Ketua Wanita UMNO, sungguhpun beliau melakukan rasuah dengan memberikan atau meluluskan saham kepada menantunya, tetapi beliau tetap tidak didakwa melakukan rasuah. Peguam Negara tetap menyatakan bahawa sungguhpun ia adalah satu kesilapan tetapi ia tidak merupakan satu kesalahan teknik.

Oleh yang demikian, saya rasa ini menunjukkan bahawa Peguam Negara ini tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan dengan sempurna. Dan harus mengalihkan kuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat lanjutkan ucapan Yang Berhormat, sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa tidaklah wajar sekiranya perkataan 'unparliamentary' seperti 'rasuah' itu ditujukan kepada salah seorang Ahli dalam Dewan. Ini yang saya rasa Yang Berhormat kena ambil perhatian.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, saya akan ambil perhatian, kerana saya rasa ini

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat sudah sebut tadi!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya. Saya sudah sebutkan. Saya masih merasa bahawa ini adalah satu amalan rasuah tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi tak boleh Yang Berhormat tujukan perkataan 'unparliamentary' itu kepada mana-mana seorang Ahli Dewan, maksud saya.

Tuan Lim Guan Eng: Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sepertimana yang didakwa oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya ada dakwa dia melakukan rasuah, itu saya akui, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, itulah sebabnya kerana Peguam Negara melakukan atau menjalankan tugasnya sedemikian, kita patut alihkan kuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat memang boleh bangkitkan mana-mana satu contoh yang bersabit dengan mana-mana seorang ahli Dewan ataupun menteri, tetapi perkataan 'unparliamentary' itu tetap 'unparliamentary'. Itu maksud saya Yang Berhormat. Tak perlulah Yang Berhormat hendak gunakan 'unparliamentary word' ataupun perkataan 'unparliamentary' itu ditujukan, dikhususkan kepada mana-mana seorang menteri ataupun ahli Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tak berapa jelas, kerana saya rasa kalau kita cakap seseorang itu melakukan rasuah, itu bukan perkataan 'unparliamentary'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, sebenarnya cukup jelas. Yang Berhormat gunakan perkataan 'rasuah' iaitu 'unparliamentary word' ya. Perkataan 'unparliamentary' ditujukan khas kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya rasa rasuah bukan satu perkataan 'unparliamentary'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Telah diputuskan dahulu bahawa ianya sekiranya digunakan, ditujukan kepada mana-mana seorang ahli Dewan, ianya tidak dibenarkan, Yang

Berhormat, dalam tahun 80-an sebelum Yang Berhormat jadi ahli Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya tak tahulah, kerana masa itu saya tak ada

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini sekadar peringatan kepada Ahli Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Baiklah, tetapi apa yang saya sudah sebut, saya sudah sebutkan. Tetapi apa yang saya katakan tentang mengalihkan kuasa daripada Peguam Negara, itu perlu dibuat dan memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang tak sabar-sabar, saya hanya ingin menghujahkan satu perkara yang terakhir. Dia telah 'memainkan mata' dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada hanya hujah yang terakhir iaitu mengenai peranan yang dimainkan oleh notari awam. Kalau seseorang notari awam membuat atau mengesahkan sesuatu dokumen adalah perlu bahawa pengesahan ini dibuat dalam sesuatu tempat.

Saya rasa peruntukan yang sama dipakai ke atas notari awam yang sama dipakai ke atas Commission of Oath ataupun Suruhanjaya Sumpah. Tetapi di sini saya ingin menimbulkan satu kes di mana ada seorang gadis yang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Rembau. Dia dikatakan telah membuat satu surat berkanun. Dan di sini saya ingin bertanya keesahehan membuat surat berkanun yang didakwa ditandatangani oleh beliau, oleh seorang gadis bawah umur dan disahkan oleh seorang notari awam.

Saya tidak tahu sama ada pengesahan ini kerana semasa ia membuat surat berkanun atau statutory declarationnya, dia masih ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Rembau. Bolehkah seseorang Pesuruhjaya Sumpah atau sebagai contoh, kalau seorang menteri awam, bolehkah dia pergi ke tempat lain daripada tempat yang dia daftar iaitu ke Pusat Pemulihan Akhlak Rembau untuk mengesahkan surat berkanun atau statutory declaration yang ditandatangani olehnya. Kalau ini berlaku apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa dan pada masa yang sama saya rasa, kecuali, gadis tersebut keluar daripada pusat pemulihan akhlak dan pergi ke pejabat Pesuruhjaya Sumpah untuk membuat pengesahan itu.

Bagaimana pula pendirian kerajaan? Adakah kerajaan membenarkan amalan seperti ini dilakukan kerana apabila seseorang ditahan, ia ditahan, dia tidak boleh meninggalkan kawasan tersebut kecuali

- oleh sebab itu saya rasa perkara ini menimbulkan banyak tandatanya dan saya juga harap, pihak kementerian akan mengkaji bahawa kelonggaran boleh diberikan dalam kes-kes tertentu kerana kalau kita cakap tentang notari awam, kalau seseorang ditahan memang jelas dia tidak boleh meninggalkan kawasan tersebut tetapi kalau pengesahan hanya boleh dibuat dalam kawasan atau pejabat yang didaftar, tidak di kawasan lain, bolehkah kelonggaran diberikan kalau seseorang itu sakit, tenat dan tidak boleh meninggalkan hospital ataupun rumahnya ataupun untuk Pesuruhjaya Sumpah, semasa pilihan raya, apabila kita hendak buat surat berkanun untuk polling agent dan counting agent kita dan sebagainya, saya rasa untuk memberikan satu senarai tiga hari sebelum itu agak susahlah. Kadangkala orang itu tidak dapat datang dan sebagainya.

Bolehkah ini dilonggarkan untuk masa-masa khusus seperti pilihan raya supaya kalau dia hendak tukar pada saat-saat terakhir ia boleh dibuat dan tidak semestinya pergi ke pejabat tetapi boleh datang ke satu tempat khususnya di luar bandar. Saya rasa untuk mereka yang berada di luar bandar kecuali ada Justice of Peace (JP) untuk meminta Pesuruhjaya Sumpah pergi saya rasa akan menimbulkan sedikit kesulitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.04 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan berbilang terima kasih kepada rakan-rakan saya dari Balik Pulau dan Kota Melaka yang telah mengambil bahagian di dalam rang undang-undang yang kecil ini.

Pertamanya berkenaan dengan cyber law yang telah ditanya oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Saya kira apabila rang undang-undang cyber law ini diluluskan oleh Parlimen, maka ia gunapakai atas apa-apa dokumen pun. Kalau ia sudah diterima, maka ia akan diterimapakai dalam apa-apa urusniaga kita sekalipun.

Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan beberapa perkara. Pertamanya berkenaan dengan - dia tidak berapa hendak percayalah, fasal kalau Peguam Negara seorang sahaja yang mempunyai kuasa untuk melantik

notari awam ini. Pertamanya saya hendak sebut di sini, sebelum saya menjadi Timbalan Menteri, saya seorang pengamal undang-undang. Sebenarnya, di kalangan peguam-peguam ini ramai yang tidak berminat untuk menjadi notari awam ini. Jadi, ada yang memohon tetapi sebahagian besarnya tidak memohon kerana skop kerjanya terhad dan sebenarnya tidak ada apa-apa advantage dari segi, maknanya kalau kita ini commercial lawyer tidak ada advantagelah kita dapati dengan menjadi notari awam. Jadi, pada umumnya tidak ada interest di kalangan peguam-peguam untuk memohon menjadi notari awam ini.

Walau bagaimanapun, adalah yang memohon dan pada hari ini ada 111 peguam yang menjadi notari awam. Untuk memberikan jaminan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang kurang yakin atas alasan peribadinya sendirilah dengan kuasa yang kononnya diberikan kepada Peguam Negara, saya ingin menyatakan di sini iaitu dalam perlantikan notari awam, Peguam Negara perlu merundingi dengan Majlis Peguam atau Peguam Besar Sabah dan Sarawak. Jadi, dia runding dahulu dengan Majlis Peguam. Setakat ini tidak ada masalah perlantikan kerana asalkan seseorang peguam tidak pernah diambil tindakan di bawah Akta Profesion Undang-undang, maka perlantikan akan dibuat.

Jadi, pertamanya kita runding dengan Majlis Peguam siapa yang boleh dilantik sebagai notari awam. Keduanya, oleh kerana notari awam ini dihadkan kepada pengamal undang-undang, jadi dia dikawal, pemantauan dibuat oleh Majlis Peguam berkenaan dengan segala apa tindak laku yang mungkin tidak baik, maka dia terletak di bawah jagaan Jawatankuasa Disiplin Majlis Peguam. Jadi, kalau dia buat perangai tidak elok, maka Majlis Peguam di bawah Jawatankuasa Disiplin ambil tindakan, maka dia gugurlah. Jadi, sebenarnya pemantauan itu dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin Majlis Peguam kerana ia boleh dibuang kalau melakukan kesalahan di bawah Akta Profesion Undang-undang dan Jawatankuasa Disiplin Majlis Peguam yang mengawal tentang perjalanan ataupun aktiviti yang dijalankan oleh pengamal-pengamal undang-undang yang menjadi notari awam.

Sebab itu kita rasa cukup kukuh kalau sekiranya dari segi 'qualification' tidak ada orang lain selain daripada peguam yang mengamalkan undang-undang yang boleh menjadi notari awam ini. Jadi, saya rasa dari segi itu Yang Berhormat boleh rasa terjamin kerana saya kira Majlis Peguam pun ramai

kawan-kawan dan sahabat Yang Berhormat duduk di situ dan saya pun tidak percaya bahawa Yang Berhormat menganggap bahawa semua peguam itu tidak guna perangnya sebab Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pun peguam, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pun peguam, takkan peguam ini tidak baik. [*Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengangkat tangan ke arah Yang Berhormat Timbalan Menteri*] Jadi, [*Ketawa*] dengan izin, we've assured that the standard is maintained.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan soalan statutory declaration, saya kira perkara ini tidak berbangkit kerana notari awam ia tidak boleh mengakusaksikan akuan berkanun untuk diguna dalam negeri. Jadi, ia tidak berbangkitlah. Mungkin peguam yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, selain dari dia notari awam, mungkin dia Commissioner of Oath, saya pun tidak tahulah, tetapi kalau dia notari awam, maka dia tidak boleh mengakusaksikan akuan berkanun untuk digunakan dalam negeri. Jadi, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya notari awam dia tidak boleh buat. Walaupun kita kata dia boleh pindahkan, dia memang tidak boleh buat sebab dia tidak dibenarkan untuk berbuat demikian di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka, bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah satu jadual bayaran ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk menentukan kalau sesuatu pengesahan dibuat? Apakah bayaran maksimum yang boleh dikenakan ke atas mereka yang perlukan pengesahan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang setiap bayaran (fee) yang dikenakan itu adalah yang ditentukan oleh badan-badan yang bertanggungjawab. Ia..... [*Membaca nota yang diberi oleh seorang Bentara*] orang lain punya, bukan saya punya! Jadi, peguam sebenarnya dalam apa-apa fee yang dichargekan, dengan izin, dia tidak boleh melakukan sewenang-wenangnya kerana ia mempunyai peraturan-peraturan yang menentukan satu jumlah yang boleh kita cajkan terhadap sesuatu perkara itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, fasal benda ini pendek, tidak ada apa. Saya ucapkan terima kasih

kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA (PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997 adalah bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah Akta itu, untuk memindah milik semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun

1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua Lembaga Kemajuan Wilayah kecuali KESEDAR, PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti berbagai aspek yang berkaitan, pada Oktober 1996 kerajaan memutuskan supaya 3 LKW sahaja dibubarkan dan salah satunya ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Selepas pembubaran semua fungsi dan tugas LKW berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri atau diwastakan.

Faktor utama yang membawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan asas pembangunan khususnya dari segi 'reopening up' atau 'frontier', dengan izin dan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di kawasan *in-situ* telah berjaya dilaksanakan. Ini bermakna baki kerja-kerja atau fungsi pembangunan di kawasan LKWJ adalah pada scale yang lebih kecil berbanding dengan peringkat awal penubuhannya.

Faktor-faktor lain yang diambil kira oleh pihak kerajaan semasa membuat keputusan untuk membubarkan LKWJ adalah:

- (i) kemampuan yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran dan tenaga kerja untuk memambangkan negeri masing-masing serta mengambil alih fungsi-fungsi LKW; dan
- (ii) sektor-sektor swasta lagi bersedia untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, LKWJ yang telah ditubuhkan pada tahun 1983 adalah meliputi kawasan seluas 196,000 hektar termasuk dalam empat daerah iaitu Maran, Jerantut, Temerloh dan Bera. Bagi menjalankan fungsi-fungsinya LKWJ mempunyai organisasi pentadbiran yang diketuai oleh seorang pengurus besar yang bertanggungjawab kepada pengarah. LKWJ mempunyai 126 anggota yang terdiri daripada 9 orang golongan Pengurusan dan Profesional dan 117 orang Kumpulan Sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan LKWJ telah ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983. Oleh itu bagi tujuan pembubarannya, maka suatu akta perlu digubal untuk membolehkan urusan mengambil alih tugas-tugas, fungsi-fungsi dan kewangan serta aset LKWJ oleh badan-badan Persekutuan atau

negeri atau pihak swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 yang ada dan serentak dengan itu Lembaga ditubuhkan di bawah Akta penubuhan itu dibubarkan. Peruntukan-peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah Fasal 3. Fasal ini memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran Lembaga.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa segala kuasa, hak, keistimewaan, tugas liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada Lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5 menjelaskan bahawa semua tanah termasuk hakalih dan takalih dan aset-aset lain yang terletak kepada LKWJ akan terletak kepada kerajaan.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada Lembaga dipindah dan terletakhak kepada kerajaan.

Fasal 7 memperuntukkan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap kerajaan sebagai menggantikan LKWJ.

Fasal 8 peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang atau terhadap kerajaan bagi menggantikan LKWJ juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 9 memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Lembaga sebagai sebutan mengenai kerajaan.

Fasal 10, Fasal ini memberi kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa walaupun LKWJ akan dibubarkan, tetapi pembangunan di kawasan berkenaan akan diteruskan demi kepentingan penduduk tempatan, kumpulan sasar dan sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, pihak kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh LKWJ selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, negeri mahupun swasta. Untuk tujuan ini peruntukan-peruntukan pembangunan kawasan tersebut akan

terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasarkan peraturan atau perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembubaran LKWJ ini pasti akan melibatkan kakitangan yang kini sedang berkhidmat. Usaha-usaha yang berterusan sedang dijalankan untuk menempatkan atau mengagihkan mereka kepada mana-mana agensi yang sesuai sama ada agensi kerajaan mahupun swasta sebelum berkuatkuasanya pembubaran ini. Di samping itu pihak kerajaan dan pengurusan LKWJ sendiri telah memberi bantuan dan sokongan yang kuat kepada mana-mana kakitangan yang membuat permohonan untuk mendapat jawatan mana-mana agensi yang mereka rasakan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan alasan-alasan di atas, pembubaran LKWJ adalah merupakan satu langkah yang bijak, yang patut sama kita sokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983, untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah Akta itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, yang di sebelah itu.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Jerantut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Maaf tidak ingat kawasan, Yang Berhormat. Jerantut.

5.25 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong langkah kerajaan di dalam

membubarkan LKWJ. Dalam konteks ini saya memikirkan kadangkala fungsi, tugas dan tanggungjawab LKWJ bertindih. Saya hendak menitikberatkan (emphasis) bahawa kadangkala ianya bertindih dengan fungsi yang dijalankan oleh jabatan-jabatan lain. Tetapi di dalam pembubaran ini saya ingin mengingatkan bahawa selain daripada pembangunan fizikal *in-situ* sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun diselesaikan.

Saya rasa semasa Belanjawan 1995 saya telah membawakan bahawa pembangunan fizikal sahaja tidak memadai, oleh kerana pembangunan insan itu lebih penting daripada pembangunan fizikal. Walaupun terdapat di dalam kawasan LKWJ pembangunan infrastruktur telah pun banyak dilunaskan, tetapi masih lagi terdapat kawasan-kawasan tertentu khususnya di dalam kawasan Parlimen Jerantut yang masih lagi belum mempunyai pembangunan infrastruktur yang cukup, termasuklah jalan raya, elektrik dan juga bekalan air.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana kerajaan telah pun membuat keputusan untuk membubarkan LKWJ, saya ingin menyarankan bahawa fungsi pembangunan ini dapat diagih-agihkan dengan begitu baik sekali kepada jabatan kerajaan yang ada sekarang ini. Ada juga di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, pegawai-pegawai kerajaan yang menyuarakan bahawa dengan pembubaran LKWJ, khususnya dalam konteks ini kawasan Parlimen Jerantut tidak akan mendapat peruntukan yang lebih, yang setara dengan apa yang didapati semasa LKWJ wujud, oleh kerana mereka berpendapat bahawa satu mekanisme harus diwujudkan untuk mendapatkan peruntukan ini.

Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang untuk LKWJ bagi diagih-agihkan kepada empat daerah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Tetapi apabila LKWJ tidak lagi wujud, maka program pembangunan dari segi fizikal harus dibuat ataupun diambil alih oleh pejabat-pejabat kerajaan yang bertugas atau ditugaskan untuk mengambil alih fungsi-fungsi tertentu. Jadi, kita berharap bahawa pengambilalihan fungsi-fungsi ini dapat diselaraskan dengan begitu baik sekali supaya apa sahaja yang telah pun dibuat oleh LKWJ sama ada telah siap atau pun yang tidak siap, lebih penting lagi yang tidak siap, maka ianya dapat diambil alih oleh jabatan kerajaan yang sepatutnya mengambil alih fungsi tersebut.

Saya hendak menitikberatkan di sini bahawa fungsi dari segi pembangunan manusia ini amat penting sekali. Semasa saya membawa perkara ini di mesyuarat Belanjawan 1995 sebulan selepas itu LKWJ telah pun mengadakan satu taklimat kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah berkenaan dengan human resources development yang dijalankan oleh LKWJ. Di kawasan pedalaman seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tahu masih terdapat keluarga yang 'kais pagi makan pagi' dan tidak pandai hendak menggunakan resources ataupun sumber yang ada pada mereka. Jadi, kita terpaksa pastikan, kita ada satu gerakan yang begitu bersepadu untuk meningkatkan pengetahuan mereka bagaimana sumber-sumber yang ada pada mereka dapat digunakan dengan begitu baik sekali. Ini tergolong dalam human resources development yang saya katakan tadi.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan bagi memastikan agar 126 orang anggota, pegawai dan juga kakitangan LKWJ ini diberikan tempat-tempat yang tertentu untuk memastikan mereka ini dapat pekerjaan yang berlanjutan.

Saya juga mendengar suara-suara yang mengatakan bahawa mereka belum lagi mendapat tawaran dan sebagainya daripada jabatan-jabatan kerajaan yang lain dan saya berharap perkara ini dapat dibereskan. Oleh kerana kalau terdapat kesangsian dari segi bagaimana mereka ini mendapat kerja, maka saya rasa mereka tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik, walaupun mereka tahu bahawa LKWJ akan ditutup bila-bila masa sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi aset yang ada di dalam LKWJ dan LKW yang lain, saya rasa aset-aset ini - boleh jadi di LKWJ asetnya tidak begitu banyak, tetapi seperti di DARA saya rasa mempunyai banyak aset, oleh kerana DARA mempunyai kawasannya sendiri dan syarikat-syarikat di bawahnya banyak juga. Tetapi dari segi LKWJ tidak begitu banyak seperti yang saya difahamkan.

Walaupun tidak banyak aset yang ada, saya mengharapkan bahawa aset yang ada ini dapat diuruskan dengan baik dan bagi kakitangan yang ingin mengambil alih aset tersebut untuk dijadikan aset produktif (productive asset), maka kakitangan ini harus diberikan peluang untuk mengadakan satu management by-out aset-aset tersebut dan harga yang diberikan haruslah merupakan harga yang patut memberikan mereka peluang untuk berniaga

ataupun untuk menjana keuntungan daripada aset yang ada.

Perkara ini saya rasa harus difikirkan dengan begitu baik sekali, oleh kerana semua aset ataupun semua harta benda yang ada, yang dipunyai oleh LKWJ akan diambil alih oleh kerajaan dan seharusnya kerajaan memberikan peluang bagi kakitangan, bagi pengurusan LKWJ untuk mengambil alih harta ini dan dijadikan sebagai satu aset yang lebih produktif di bawah syarikat, di bawah koperasi atau di bawah apa-apa jua badan yang boleh meningkatkan taraf kehidupan pegawai dan juga kakitangan LKWJ.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Mentakab.

5.28 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka diperbadankan pada tahun 1983, tidak boleh dinafikan ia telah memenuhi matlamat asalnya dan ia juga telah mencapai prestasi pembangunan yang membanggakan. Kenyataan ini adalah berdasarkan pencapaiannya yang begitu jelas dalam pembukaan tanah dan membandarkan desa sebagai satu kawasan ekonomi yang maju dan lengkap dengan infrastruktur, kemudahan asas, perumahan, ruang niaga, perindustrian IKS dan berbagai industri sosial. Secara langsung dan tidak langsung ia telah memanfaatkan lebih kurang 60,000 penduduk tempatan, mengeluarkan lebih kurang 1,000 lebih keluarga dari daftar keluarga termiskin dan berjaya meningkat taraf hidup penduduk kawasan Jengka terutamanya mereka yang menyertai rancangan FELDA.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian dan khususnya semua kakitangan LKWJ yang sebelum ini pernah diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Maran. Yang di-Pertua, kini kerajaan bercadang membubarkan LKWJ kononnya ia telah berjaya dalam peranannya membangunkan wilayah Jengka sepertimana ia telah ditugaskan pada asalnya dan semua aspek pengurusannya akan diserahkan kepada jabatan kerajaan pusat di peringkat negeri masing-masing. Dalam hal ini, saya percaya Kementerian

Pembangunan Luar Bandar telah mengkaji dan membanding kebaikan dan kekurangan langkah tersebut. Namun demikian, beberapa persoalan perlu diberi penjelasan supaya segala keraguan di kalangan penduduk dan peneroka kawasan Jengka mengenai nasib masa depan mereka dapat dilegakan.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, selepas pembubaran LKWJ apakah arah baru dan perancangan jangka masa panjang dan pendek untuk kawasan Jengka? Bagaimana kita dapat memastikan adanya kesinambungan dalam program pembangunan sosio-ekonomi di kawasan tersebut, khususnya selepas peneroka-peneroka diberi hak milik tanah. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pada tahap ini pembangunan sektor IKS walaupun ada pemulihan yang membanggakan tetapi masih ada banyak ruang untuk dipertingkatkan.

Saya mendapat tahu bahawa pihak PORIM ada jalankan banyak aktiviti PMP mengenai dengan penggunaan pokok kelapa sawit dan juga berkenaan dengan industri hiliran yang berasaskan pokok kelapa sawit tetapi nampaknya hasil dari kerja penyelidikan dan pembangunan tidak dan belum dipanjangkan diperkenalkan kepada pengusahapengusaha tempatan supaya mereka dapat menceburi dalam bidang industri IKS yang berasaskan pokok kelapa sawit.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak minta penjelasan selepas pembubaran LKWJ, agensi mana atau jabatan mana yang akan terus jadi penggerak utama dalam merancang dan menyelaras segala program pembangunan yang sepadu untuk kawasan Jengka. Saya rasa ini amat penting sebab walaupun dari teori kita kata semua aspek pengurusan akan diserahkan kepada beberapa jabatan kerajaan, yang saya takut ialah kalau tidak ada satu agensi utama yang ditugaskan untuk merancang dan menyelaras program untuk kawasan Jengka maka masa hadapan dan program yang tidak sempurna atau tidak menyeluruh dan mungkin masa depan dan kepentingan Jengka akan di ketepikan. Jadi saya minta penjelasan agensi mana atau jabatan kerajaan mana yang akan memberi fokus terhadap segala perancangan masa depan Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira diberi jaminan bahawa peruntukan akan terus disalurkan untuk seluruh kawasan Jengka supaya kita dapat membiayai program-program yang bakal dilaksanakan dan saya juga rasa gembira bahawa kakitangan LKWJ akan diberi jawatan di jabatan-

jabatan lain. Cuma di sini saya ingin bertanya adakah mereka akan diberi latihan untuk menyesuaikan diri dalam jawatan-jawatan yang akan diberi kelak dan sama ada mereka yang lebih berpengalaman dan mereka yang telah didedahkan kepada pihak bahagian pengurusan perniagaan akan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan perusahaan yang diperkenalkan oleh lain kementerian. Ini mungkin boleh menjadi satu langkah untuk memberi peluang kepada mereka menceburi dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata saya berasa penduduk dan peneroka di kawasan Jengka khuatir dengan pembubaran Lembaga ini jika tidak ada satu jabatan yang utama menjaga kepentingan mereka, mereka khuatir nanti mereka akan ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Dengan pandangan dan persoalan saya di atas, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha Parlimen, sila jawab.

5.35 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jerantut dan Yang Berhormat dari Mentakab yang telah memberi pandangan mengenai rang undang-undang ini. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerantut dan juga Yang Berhormat dari Mentakab yang telah memberi sokongan kepada usaha kerajaan untuk membubarkan LKWJ ini. Ingin saya menegaskan di sini bahawa tujuan kerajaan untuk mengubah dan kemudian membubarkan LKWJ adalah untuk menentukan bahawa segala pembangunan yang telah dijalankan di kawasan tersebut akan diteruskan malah kita berharap ia akan lebih rancak, lebih berkesan dengan pelbagai pendekatan baru yang kita akan ambil selari dengan dasar negara.

Maka saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian memberitahu kepada masyarakat di kawasan masing-masing bahawa langkah ini bukannya langkah mengabaikan masyarakat. Bukanlah satu langkah untuk mengurangkan peruntukan ini tetapi kita dari pihak kerajaan akan mencari jalan bagaimana kita dapat menjalankan tugas dalam era abad ke-21, bagaimana akan dapat meneruskan memajukan masyarakat luar bandar khususnya di Jengka.

Yang Berhormat dari Jerantut tadi ada menyebut mengenai masalah pembangunan insan. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian memang sedar masalah pembangunan insan di luar bandar, pemasalahan sikap kerana itulah satu masalah yang dihadapi masyarakat kerana mereka masih dalam golongan rakyat termiskin. Maka kerana perkara ini, Kementerian memang akan meneruskan usaha malah sekarang Kementerian akan menubuhkan satu bahagian dalam Kemas, iaitu bahagian pembangunan insan dan ini akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk membangunkan, mengubah sikap dan membimbing rakyat luar bandar khasnya rakyat termiskin supaya dapat bersama-sama dengan masyarakat lain mengejar kemajuan.

Yang Berhormat dari Jerantut juga mencadangkan bahawa fungsi-fungsi LKW ini diagihkan dan peruntukan juga akan dibagi dengan patut pada kawasan ini. Saya faham dengan soalan Yang Berhormat ini apabila LKW wujud memang ada peruntukan di bawah LKWJ. Walau bagaimanapun, tidak ada LKWJ pembangunan akan diteruskan dan perancangan mesti dibuat oleh kerajaan negeri. Fungsi-fungsi yang telah dijalankan oleh LKWJ ini akan dibahagi-bahagikan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Yang Berhormat tadi ada menyebut mengenai pertindihan berlaku diperingkat pelaksanaan. Inilah satu perkara yang kita hendak elakkan maka di mana ianya relevant di situlah fungsi-fungsi LKWJ akan dibahagikan.

Mengenai masa depan kakitangan LKWJ kerajaan memang terus menentukan bahawa nasib mereka akan dibela. Di antara kemungkinan kepada mereka ini ialah memberi peluang kepada mereka membuat cadangan untuk menswastakan apa-apa bahagian yang boleh dijalankan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Mentakab kerana Yang Berhormat telah menggariskan berbagai pencapaian LKWJ termasuk dalam usaha membasmikan kemiskinan di kawasan ini. Memang kerajaan telah mengkaji semua sudut mengenai masalah atau pun kebaikan apabila LKWJ ini dibubarkan. Oleh itu kita melihat ada beberapa tahun diperlukan sebelum rang undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan ini, kerana kerajaan berhati-hati untuk menentukan tidak ada kesan buruk atau pun tidak baik kepada masyarakat luar bandar ini akan berlaku selepas pembubaran.

Yang Berhormat minta beberapa penjelasan, yang pertama ialah arah baru untuk membangunkan

kawasan LKWJ. LKWJ adalah kawasan luar bandar dan arahnya memang jelas mengikut arah pembangunan di seluruh negara dan kerajaan negeri memang telah berbincang dengan Kementerian bagaimana kawasan-kawasan ini akan dimajukan supaya tidak tertinggal. Begitu juga dengan pembangunan-pembangunan IKS ianya juga akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

Mengenai mana-mana agensi akan terus sebagai penggerak utama, kita bagi negeri-negeri memang ada jabatan perancangannya mereka inilah yang menjadi penggerak pertama kepada kemajuan di kawasan-kawasan LKWJ ini. Kementerian juga akan menentukan bahawa pembangunan di kawasan ini akan terus dirancang kerana Kementerian juga ada berbagai projek luar bandar yang dijalankan dan kita juga tidak lupa kawasan ini.

Mengenai kakitangan, memang kita kalau perlu memberi latihan, pendedahan dan juga akan memberi peluang mereka untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kata perancangan akan diteruskan untuk kawasan Jengka, saya ingin bertanya sama ada satu pelan induk akan diubahkan untuk kawasan Jengka?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian telah meminta bantuan dari Universiti Teknologi Malaysia untuk membuat satu kajian dan kemudian akan membuat satu pelan induk pembangunan kawasan ini. Dengan itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam perbincangan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
KEMAJUAN JOHOR TENGGARA
(PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama satu Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 adalah bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua LKWJ kecuali KESEDAR dan PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti pelbagai aspek yang berkaitan, pada Oktober 1996 kerajaan telah memutuskan supaya tiga LKWJ akan dibubarkan, salah satunya adalah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Selepas pembubaran, semua fungsi dan tugas KEJORA berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri dan swasta.

Faktor utama yang membawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan-peranan asas pembangunan khususnya dari segi reopening up of the frontier, dengan izin, dan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di kawasan *in situ* telah berjaya dilaksanakan. Ini bermakna, bagi kerja-kerja atau fungsi pembangunan di kawasan KEJORA adalah pada scale yang lebih kecil berbanding dengan peringkat penubuhannya. Fakta-fakta lain yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan adalah yang pertama, kemampuan yang

meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran tenaga kerja untuk membangunkan negeri masing-masing serta mengambil alih fungsi-fungsi LKW. Kedua, sektor swasta lebih bersedia untuk memainkan peranan dan berkesan dalam pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, KEJORA telah ditubuhkan pada 1 Jun 1972 melalui Akta 75, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang bertanggungjawab atas pelaksanaan pembangunan di bawah Wilayah KEJORA. Bagi melaksanakan tanggungjawab, KEJORA telah menjalankan beberapa fungsi tertentu, iaitu memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi, sosial dan tempat tinggal, mengawal, menyelaraskan aktiviti tersebut di bawah wilayahnya. Aktiviti KEJORA bertunjang kepada tiga perkara, iaitu mengurangkan kelembapan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Wilayah KEJORA mempunyai kawasan seluas 303,518 hektar. KEJORA mempunyai dua wilayah kecil, iaitu wilayah Johor Tenggara dan wilayah Penggerang yang merangkumi dua daerah, Kota Tinggi dan Kluang. Dari segi kakitangan KEJORA mempunyai 427 anggota yang terdiri daripada 32 orang kumpulan pengurusan profesional serta 394 orang daripada kumpulan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, KEJORA telah ditubuhkan melalui satu Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972. Oleh itu, bagi tujuan pembubaran, maka satu akta baru perlu digubal untuk membolehkan kelulusan mengambil alih tugas-tugas, fungsi-fungsi dan kewangan serta aset KEJORA oleh badan-badan Persekutuan atau negeri atau swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan penubuhan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ada dan serentak dengan itu lembaga yang ditubuhkan di bawah akta penubuhan itu dibubarkan.

Peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 3, memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran lembaga.

Fasal 4, peruntukan bahawa segala kuasa, hak keistimewaan tugas liabiliti dan duplikasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5, ini menjelaskan bahawa semua tanah termasuk harta alih dan tak alih dan aset-aset lain yang terletak pada KEJORA akan terletak hak kepada kerajaan.

Fasal 6, memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada lembaga hendaklah pada tarikh ditetapkan berpindah kepada dan terletak hak kepada kerajaan.

Fasal 7, peruntukan bagi penguatkuasa segala kontrak sedia ada oleh atau terhadap kerajaan sebagai pengganti KEJORA.

Fasal 8, peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan bagi menggantikan KEJORA, juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 9, memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan 'mengenai lembaga' sebagai sebutan-sebutan 'mengenai kerajaan'.

Fasal 10, memberikan kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa walaupun KEJORA akan dibubarkan, tetapi pembangunan di kawasan berkenaan akan diteruskan demi kepentingan penduduk tempatan. Oleh itu, pihak kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh KEJORA selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, agensi negeri ataupun swasta. Untuk tujuan ini, peruntukan pembangunan untuk kawasan tersebut akan terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasarkan peraturan dan perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembubaran KEJORA ini pasti akan melibatkan kakitangan yang kini sedang berkhidmat. Usaha-usaha yang berterusan sedang dijalankan untuk menempat atau mengagihkan mereka kepada mana-mana agensi yang mereka rasakan sesuai. Berdasarkan alasan-alasan di atas, pembubaran LK W adalah merupakan satu langkah yang bijak. Oleh itu, keputusan kerajaan membubarkan termasuk KEJORA patut diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama satu akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua harta kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

5.55 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berpindah ke sini oleh kerana PA sistem....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya harap pihak Parlimen mengambil perhatian. Dahulu pihak Pembangkang, sekarang sudah berpindah kepada pihak Ketua Backbencher. Saya minta maaf, harap perkara ini dapat diperbetulkan dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar mahu merakamkan ribuan terima kasih. Sebagai Wakil Rakyat dari Johor dalam Dewan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang selama 25 tahun telah pun mewujudkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ataupun lebih dikenali dengan nama KEJORA. Ia telah pun membangunkan satu kawasan pertumbuhan baru di dalam negeri Johor. Ia membuktikan bahawa dasar pembangunan wilayah kerajaan adalah satu dasar yang berkesan dan dasar yang telah membawa kejayaan pada keseluruhannya.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada pihak Kementerian supaya segala urusan-urusan yang tertanggung walaupun kelak akan diserahkan kepada pihak kerajaan, dalam konteks ini saya rasa kerajaan negeri, diharap segalanya akan dapat diuruskan dengan kesaksamaan sewajarnya. Selain daripada itu, saya ingin bertanya sama ada akan diwujudkan satu grace period atau tempoh di mana pembubaran ini dengan terbubaranya KEJORA menerusi akta ini dan apabila telah digazetkan, sama ada akan diwujudkan satu tempoh, iaitu grace period untuk membolehkan penyerahan segala kuasa, harta dan wang dan hutang kepada pihak yang akan

menyambut segala kuasa, wang, harta dan hutang itu, segala proses ini dapat dijalankan dengan licin dan dapat mengurangkan anomali, percanggahan dan juga masalah yang mungkin timbul kelak.

Saya sebagai seorang yang pernah menjadi Lembaga Pengarah KEJORA juga merakamkan terima kasih kepada seluruh pengerusi-pengerusi yang telah pun berkhidmat dan juga seluruh kakitangan yang telah pun berkhidmat dengan KEJORA. Pihak KEJORA, saya faham telah mewujudkan satu koperasi kakitangan, iaitu Koperasi Kakitangan KEJORA. Saya tidak tahu selepas ini di bawah nama apa, yang di mana telah pun diberi beberapa perkara untuk memastikan bahawa kesejahteraan kakitangan selepas perkara ini dibubarkan akan dapat diteruskan. Saya harap pihak kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya kepada koperasi ini yang saya yakin melakukan beberapa operasi-operasi perniagaan. Apabila KEJORA dibubarkan, saya harap pihak kerajaan akan memberi sokongan yang positif dan sewajarnya kepada kesejahteraan koperasi ini dan kelangsungan koperasi ini di masa akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

5.59 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang KEJORA (Pembubaran) 1997. Di sini saya ingin menimbulkan beberapa isu yang ada kaitan dengan kepentingan negeri Johor. Saya agak tertarik bahawa Yang Berhormat dari Parit Sulong merupakan seorang Ahli Lembaga KEJORA pada satu masa. Di sini saya ingin bertanya, mengapakah kepentingan negeri Johor tidak diambil kira apabila tanah-tanah KEJORA telah diswastakan kepada sebuah syarikat yang bernama JTOP, iaitu Johor Tenggara Oil Palm dan telah disenaraikan dalam BSKL pada tahun lepas.

Saya ingin merujuk kepada apa yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Johor pada 21hb. November tahun lepas, di mana Menteri Besar Johor yang juga bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan ketidakpuasan hatinya tentang kepentingan Johor yang tidak diambil kira dalam penswastakan tanah-tanah KEJORA kepada JTOP.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian apabila saya pernah membawa kes ini pada sesi tahun yang lepas. KEJORA telah memindahkan tanah seluas 15,425 hektar tanah kelapa sawit kepada JTOP dalam satu proses penswastakan yang sangat besar. Mengikut apa yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Johor, adalah dinyatakan bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai penglibatan secara langsung dalam penswastakan secara kontroversi JTOP. Ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Beliau menyatakan bahawa langkah yang telah diluluskan oleh lembaga KEJORA dalam tahun 1994 dan dipanjangkan kepada EPU, Jabatan Perdana Menteri adalah tidak memasukkan kepentingan negeri atau pegangan ekuiti saham negeri Johor dalam syarikat tersebut.

Penswastakan JTOP merupakan salah satu daripada usaha untuk menswastakan aktiviti komersial KEJORA kepada Southern Integrated Agriculture Project Sdn. Bhd., sebuah syarikat swasta, tetapi ia telah menerima kritikan daripada pelbagai pihak kerana melibatkan pemindahan tanah seluas 15,425 hektar kepada JTOP. Dan seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, tanah ini telah dipindahkan oleh negeri Johor kepada KEJORA. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menyatakan Southern Integrated Agriculture Project (SIAP) telah mendapat persetujuan EPU untuk memegang saham dalam JTOP dan juga ekuiti KEJORA dalam Sindora Bhd., sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL dengan harga RM135 juta. Di antara pemegang saham SIAP iaitu Southern Integrated Agriculture Project Sdn. Bhd. ialah:-

Ramli Idris	-	35%
Ahmad Ghazali Md. Kassim	-	35%
Dato' Mahfa Sairan	-	14%
Ishak Kayat	-	4%
Johar Sarkawi	-	2%
Koperasi Pelaburan Pekerja-pekerja KEJORA Bhd.	-	5%
BBMB Trust Bhd.	-	5%

Itu koperasi yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Permohonan JTOP untuk disenaraikan telah disampaikan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan telah diluluskan dengan harga tawaran (offer price)

sebanyak RM1.65 dan net tangible asset backing adalah sebanyak RM1.90.

Selepas disenaraikan dalam BSKL, pegangan ekuiti dalam JTOP adalah seperti berikut:-

SIAP Sdn. Bhd. (Southern Integrated Agriculture Project Sdn. Bhd.)	- 58.82%
Ramli Idris	- 6.42%
Ahmad Ghazali Md. Kassim	- 6.42%
Pihak-pihak lain	- 28.34%

Selepas JTOP diapung di BSKL, barulah Menteri Besar Johor tahu bahawa mereka akan disenaraikan dalam BSKL dan memohon untuk memegang 70% dalam SIAP iaitu pemegang majoriti dalam JTOP, tetapi ini telah ditolak.

Dalam perkara ini nampaknya sungguhpun JTOP telah mendapat tanah Johor menerusi KEJORA, kepentingan negeri Johor nampaknya tidak terjamin. Di sini, sungguhpun saya bukan daripada negeri Johor tetapi saya perlu melahirkan perasaan setengah-setengah pihak di Johor yang merasai kepentingan mereka tidak terbelah dalam exercise ini atau penswastaaan ini atau pengapungan KEJORA atau JTOP di BSKL. Sebagai seorang bekas ahli Lembaga Pengarah, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar tentang perkara ini dan mengapa beliau tidak meminta bahawa negeri Johor dibenarkan memegang pegangan ekuiti dalam JTOP sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan Undangan Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 15,425 hektar tanah ini, 3,200 hektar tanah masih belum dipindahkan kepada JTOP oleh KEJORA. Saya rasa mungkin ini adalah sebagai satu bantahan secara tidak langsung oleh Kerajaan Negeri Johor terhadap keseluruhan skim ini di mana kepentingan negeri Johor tidak dijaga. Saya tidak tahu sama ada ini merupakan salah satu daripada kelulusan oleh bekas Menteri Besar Johor yang sekarang ditidakkkan oleh Menteri Besar Johor yang baru. Adakah kerana percanggahan politik yang sedia ada di mana, saya tidak tahulah, mungkin semasa bekas Menteri Besar Johor meluluskan pemindahan tanah KEJORA kepada JTOP ada syarat-syarat lain yang tidak diketahui telah dipersetujui dan sekarang ada pucuk pimpinan baru di bawah Menteri Besar yang baru di mana beliau mendapati bahawa kepentingan negeri Johor terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya dalam sebarang penswastaaan yang melibatkan tanah sesuatu negeri yang begitu besar, kepentingan sesuatu negeri mestilah dijaga. Kepentingannya mestilah dimasukkan atau tersenarai dalam pegangan ekuiti syarikat yang telah diswastakan. Saya ingin bertanya, mengapa ini tidak berlaku? Mengapa pandangan Kerajaan Negeri Johor tidak diambil kira? Kerana saya rasa itu adalah sesuatu yang boleh dianggap sebagai luar biasa sekali. Kalau tanah yang begitu besar dan luas dipindahkan kepada sebuah syarikat, apakah balasan yang boleh diterima oleh Kerajaan Negeri Johor kerana memindahkan tanah negeri kepada sebuah syarikat? Apakah manfaat yang boleh diperolehi daripada negeri Johor? Apakah bayaran, apakah consideration yang mereka dapat? Kalau tanah ini dijual dengan tender terbuka, mungkin harga yang mereka perolehi adalah lebih besar.

Di sini, saya tidak tahu Yang Berhormat dari Parit Sulong mahu memberikan komen tentang perkara ini kerana dia bekas ahli Lembaga Pengarah, sungguhpun dia bukan menteri, bahkan mungkin bakal akan jadi timbalan menteri. Tetapi sebagai seorang bekas ahli Lembaga Pengarah, dia tentu tahu tentang perkara ini apabila perkara ini dibincangkan oleh.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Pembesar suara tidak berfungsi] Yang Berhormat itu bercakap tengok Tuan Yang di-Pertualah, apa tengok kepada saya pula? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa tengok saya? Saya bukan menjawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Rasanya macam pedas sedikitlah. Saya pun tidak tahu mengapa dia rasa 'hot' sedikit. Tetapi ini kerana saya rasa adalah satu perkara penting. Sebagai ahli Lembaga Pengarah, saya rasa kita harus memastikan kepentingan negeri kita dijaga. Di sini, saya tidak tahu sehingga Yang Berhormat menyatakan diri sendiri dalam ucapan tadi. Yang Berhormat sendiri menyatakan sebagai bekas ahli Lembaga Pengarah, itu yang menarik minat saya. Sebagai seorang

bekas ahli Lembaga Pengarah, saya rasa beliau tentu telah mendalami cadangan (proposal) kertas kerja yang disampaikan kepada EPU untuk diluluskan dan telah juga dipersetujui oleh semua ahli Lembaga Pengarah. Mengapa pada masa itu apabila ia diswastakan, kepentingan negeri Johor tidak dijaga sehingga Menteri Besar Johor sekarang mempertikaikannya dan menyatakan ketidakpuasan hati beliau tentang perkara ini.

Saya rasa mungkin Yang Berhormat akan tahu oleh kerana perkara penswastaaan JTOP ini telah menimbulkan banyak masalah di antara pemimpin-pemimpin negeri Johor yang baru dan yang dahulu sehingga perkara ini telah disampaikan kepada perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, kerana persengketaan yang amat besar atas penswastaaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berminat mencampuri hal ehwal dalaman UMNO ataupun politik 'cantas' yang berlaku dalam UMNO Johor, itu saya tidak berminat. Itu ialah di antara bekas dan yang baru, stail baru, stail lama, sama ada rasuah lama atau tidak, pentadbiran baru yang hendak bersih, cekap dan amanah, itu saya tidak berminat. Tetapi dari segi prinsipnya adalah sangat penting mengapakah kepentingan sesebuah negeri tidak dipelihara?

Sebagai seorang bekas ahli Lembaga Pengarah, saya rasa mungkin kita boleh tahu sedikit-sebanyak latar belakang macam mana keputusan ini boleh dicapai? Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak tahu boleh dapat maklumat, maklum balas daripada pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) ataupun tidak, kerana perkara ini dibuat tanpa rujukan kepada kementerian yang berkenaan, sungguhpun bertanggungjawab ke atas KEJORA, tetapi yang meluluskannya ialah JPM, EPU dan Kementerian Kewangan. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mungkin lebih tahu tentang perkara ini daripada kementerian yang bertanggungjawab ke atasnya.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Parit Sulong minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Oh, sila, sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikatakan 'telatah DAP', dapat sejengkal hendak dijadikan sedepa. Let me put it this way, dengan izin, bahawa KEJORA mempunyai ahli Lembaga Pengarah yang

bertanggungjawab, bukan sahaja terdiri daripada kerajaan negeri, juga terdiri daripada profesional, juga terdiri dari wakil-wakil kerajaan. Jadi, jangan cuba dia hendak membuat satu penjelasan yang cuba hendak mengelirukan rakyat. Kita mempunyai wakil daripada Treasury, kita mempunyai wakil daripada kementerian, kita mempunyai wakil daripada Kerajaan Negeri Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pun duduk dalam Lembaga KEJORA. Jadi, jangan hari ini dia dapat satu perkara yang dia kata dia boleh pusingkan, jadi dia hendak tuduh semua orang. So, you find your fact. Hakikat ini telus, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Library Parlimen boleh dirujuk sama ada saya cakap ini betul atau salah. You look properly, you scrutinise properly siapa dia yang menjadi ahli Lembaga Pengarah KEJORA. Jadi, jangan main borong sahaja.

I would like to keep quite actually, dengan izin, tetapi nampaknya dia semakin terus-menerus. Mungkin dia sudah habis modal, dia dapat modal barukah, saya tidak tahulah. Dalam hal ini, saya tidak mahu memihak kepada mana-mana politik Johor pun, oleh kerana masalah KEJORA bukan kita politikkan di negeri Johor. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebenarnya saya tidak tahu bahawa Yang Berhormat adalah ahli Lembaga Pengarah kerana sehingga Yang Berhormat sendiri akui tadi. Saya tidak tahu bila Yang Berhormat menjadi ahli Lembaga Pengarah? Kalau selepas kertas kerja ini disampaikan kepada EPU, itu bukan masalah Yang Berhormat. Tetapi kalau ini pada masa Yang Berhormat menjadi ahli Lembaga Pengarah, kertas kerja ini disampaikan dan keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah, saya rasa kita harus dapat tahu apakah sebab keputusan ini dibuat tanpa memberikan kepentingan atau pegangan ekuiti kepada negeri Johor.

I stand corrected, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong belum menjadi ahli Lembaga Pengarah apabila keputusan dibuat oleh Lembaga KEJORA, tetapi kalau pada masa itu Yang Berhormat sudah menjadi ahli Lembaga Pengarah KEJORA, saya rasa untuk menerangkan kepada Dewan yang mulia ini rasional di belakang keputusan tidak memberikan pegangan ekuiti kepada negeri Johor. Kerana seperti yang saya katakan tadi mengapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh menyatakan dengan secara terbuka di Dewan Undangan Negeri Johor tentang masalah ini. Saya rasa ini

menunjukkan bahawa beliau pun tidak faham mengapa kepentingan negeri Johor tidak dijaga? Mengapa tidak ada pegangan ekuiti oleh negeri Johor?

Dan saya pun boleh bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tak mahu berpolitik dalam KEJORA kerana jangan-jangan 'gajah-gajah bertembung pelanduk yang mati di tengah-tengah'. Itu saya simpati dan saya faham kesulitan yang akan dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan saya pun tak mahu campur hal ehwal dalaman politik negeri Johor yang penuh dengan drama dan juga iramanya.

Tetapi, yang penting sekali ialah prinsip. Prinsip utama ialah apakah rasional di belakang keputusan ini dan mengapakah apabila permohonan telah dibuat oleh pihak negeri Johor, mengapa ia ditolak dengan pegangan ekuiti tersebut? Tadi, apabila saya memberi jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong untuk berucap dahulu, saya ingat Ahli Yang Berhormat akan menyentuh perkara ini tetapi Ahli Yang Berhormat tidak menyentuhnya, itu sebab saya kena tolong sedikitlah untuk menjaga kepentingan negeri Johor - tolong sedikit, supaya kita dapat tahu rakyat Johor dapat tahu mengapakah tanah yang begitu besar, itu bukan tanah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak payah ulang-ulang lagi kerana masa yang sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi itu perkara prinsip!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat sudah ulang banyak kali. Kalau ada point yang lain, mintalah point yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tanah yang begitu luas 15,425 hektar, mengapa ia boleh diserahkan tanpa sebarang balasan. Itu saya rasa perkara yang sangat penting. Kita ada fact dan tidak ada orang yang hendak berucap lagi. Tuan Yang di-Pertua, tadi hanya dua orang sahaja yang bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tujuan kita menjimatkan masa itu ialah untuk meluluskan rang undang-undang ini.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, saya akan habiskan. Saya janji saya akan habis, saya akan berikan sekurang-kurangnya lima minit untuk Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri - tak ada masalah.

Saya akan habiskan dalam masa sepuluh minit. Saya berjanji, Tuan Yang di-Pertua!

Jadi, benarkan saya menghabiskan perkara ini kerana ini sangat penting. Tanah 15,425 hektar bukan main-main!

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang hendak dicakapkan? Bangunlah, jangan hanya berbisik-bisik sahaja, macam takut-takut, tak berani bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, janganlah mencabar Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi mereka ini kacau-kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau tidak ada point yang lain, kita beri Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada 15 minit lagi, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya janji, saya akan habiskan sebelum pukul 6.30 petang, itu saya janji dan berikan beberapa minit kepada Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu saya janji kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dan apabila tanah ini tanpa kepentingan kepada negeri Johor, yang pertama, itu perkara yang pokok.

Yang kedua, apabila perkara ini menjadi satu perkara yang agak kontroversi dan sensitif khususnya selepas Pilihanraya Umum 1995 peralihan kuasa yang baru dan apabila proposal ini disampaikan kepada Suruhanjaya Sekuriti, JTOP menyatakan dia ada Nett Tangible Asset backing RM1.90, harga tawaran RM1.60, lebihan hanya 0.30 sen sahaja berbanding dengan harga tawaran kepada orang ramai.

Pada masa itu, status kedudukan tanah itu belum jelas, kerana Kerajaan Negeri Johor pada masa itu, saya rasa yang baru, tak mahu meluluskan pemindahan tanah kepada JTOP. Tetapi, sungguhpun demikian dia telah masukkan ke dalam prospektusnya, masukkan dalam perkiraan asetnya dan menaikkan Nett Tangible Asset (NTA) untuk menjadikannya lebih menarik, creative accounting, dengan izin.

Ini yang berlaku, sungguhpun status tanah belum dipastikan lagi dan saya rasa dalam perkara ini ia mungkin menimbulkan sedikit kekeliruan, apakah sebenarnya NTA ataupun aset-aset yang dimiliki oleh JTOP. Dan saya rasa oleh kerana kedudukannya yang tidak begitu jelas, itulah yang menyebabkan JTOP sekarang ini tidak mempunyai prestasi yang begitu baik dalam BSKL. Oleh kerana itu saya harap bahawa bukan sahaja pihak kementerian yang berkenaan tetapi juga menyeru kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan supaya kita dapat meneliti perkara ini kerana latar belakangnya yang agak khusus, agak istimewa dan juga pandangan dan perasaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Saya rasa kalau ada tanah kerajaan yang terlibat, kita harus mengadakan satu prinsip. Prinsip itu ialah kalau ada tanah kerajaan yang dipindahkan atau diserahkan kepada syarikat swasta yang hendak disenaraikan, Kerajaan Negeri Johor mesti mempunyai pegangan ekuiti, lebih-lebih lagi dalam JTOP. Kalau kita tidak mengira tanah atau nilai tanah sebanyak 15,425 hektar ini, Nett Tangible Asset sebenarnya JTOP ini tak sampai saya rasa 0.90 sen se saham.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan aset 15,425 hektar Nett Tangible Asset sesaham adalah RM1.91. Kalau tanpa nett asset backing yang RM1.91 sen, saya rasa Suruhanjaya Sekuriti pun tidak akan meluluskan permohonan JTOP disenaraikan dalam BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya harap dalam perkara ini pihak kerajaan harus menggubal satu prinsip, tanah kerajaan serah kepada syarikat swasta, ia mesti mempunyai pegangan ekuiti dan permohonan negeri Johor. Kalau pentadbiran negeri Johor atas alasan-alasan tertentu, yang saya rasa tidak diketahui, tidak boleh difahami langsung, tidak mahu pegangan ekuiti dalam JTOP sepertimana yang berlaku oleh pentadbiran lama, saya rasa ia juga harus dipaksa menerimanya, harus diletak dalam satu tabung atau satu simpanan supaya kepentingan rakyat Johor dapat dijaga.

Saya tak tahu sama ada perkara ini Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan disiasat BPR atau mungkin perkara lain, kerana kononnya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan disiasat BPR tentang urusan tanah di negeri Johor semasa beliau menjadi Menteri Besar Johor. Yang Berhormat Menteri berkenaan tak boleh jawablah kerana dia bukannya bertanggungjawab ke atas BPR, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di sana boleh mengesahkannya sama ada ini berlaku.

Oleh sebab itu, saya telah berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua, saya akan menunaikan janji, hanya satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sungguhpun tidak ada masa kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pun hendak menjawab, tetapi saya harap dalam perkara ini semua Ahli Parlimen boleh membuat pendirian yang serupa, menjaga kepentingan negeri tetapi pada masa yang sama kalau Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional menjadi ahli lembaga pengarah kepada banyak badan berkanun, apakah gunanya kalau tak boleh menjaga kepentingan rakyat dan negeri yang terlibat? Mungkin lebih baik kita lantik seorang ahli Pembangkang menjadi ahli lembaga pengarah, sekurang-kurangnya kepentingan rakyat jelata, bukan sahaja dapat disuarakan, tetapi terpelihara kerana nampaknya jelas sekali Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional telah gagal dalam tanggungjawabnya menjaga kepentingan rakyat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak jadi lembaga pengarah, saya cadangkan hantar surat permohonan [Ketawa] ...

Tuan Lim Guan Eng: Timbalan Menteri ini, dia punya fikiran sudah 'jumud' tau, bukan sahaja beku, sudah 'jumud' - ossified!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Kenapa hendak hantar permohonan, ini secara prinsip kerana kita perlukan 'check and balances'.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis, saya akan beri jalan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya minta dia tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan jawab dahulu. Saya akan beri!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik 'unparliamentary', dia kata saya ini berfikiran 'jumud'. Fikiran saya masih baik lagi. *[Ketawa]*

Kerana beliau tadi, kata minta parti Pembangkang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah, kalau betul beliau berhajat silalah hantar surat permohonan. Kerajaan BN boleh timbangkan sama ada hendak beri ataupun tidak. Minta dia tarik balik perkataan 'jumud' yang ditujukan kepada saya!

Tuan Lim Guan Eng: Orang yang mabuk tak akan akui dia mabuk - serupa juga!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ini lagi

Tuan Lim Guan Eng: Orang yang 'jumud' tak akan akui dia 'jumud' - serupa juga!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir wakil Kota Melaka yang mabuk dan jumud ini! *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Itulah perangai macam dia!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya minta tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah saya cakap bahawa kita perlu check and balance, bukan buat permohonan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak serius.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Mengapa tak serius, tadi wakil Kota Melaka juga yang memberitahu dia hendak dilantik jadi ahli lembaga pengarah!

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, mana saya ada berikan jalan? Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tolong tarik balik perkataan 'jumud' dan 'mabuk' itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, perkataan itu minta tarik balik!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan 'jumud' - unparliamentary. Mana ada unparliamentary?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, minta dia tarik!

Tuan Lim Guan Eng: Mana ada 'unparliamentary'? Tadi Yang Berhormat cakap 'mabuk'. Mabuk itu bukan 'unparliamentary'! Itulah yang lebih teruk lagi.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya minta tarik balik perkataan 'jumud' ini.

Tuan Lim Guan Eng: Apa hendak tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perkataan 'jumud' itu ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat - tak baik! Sila tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi tak 'unparliamentary', Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu permohonan daripada saya sebagai Pengerusi mengawal mesyuarat ini. Ahli Yang Berhormat telah katakan macam itu - tak baik!

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat 36(6) - Sangkaan jahat!

Tuan Lim Guan Eng: Oleh kerana saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, kerana permintaan Tuan Yang di-Pertua sahaja, saya tarik balik 'jumud'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Baguslah!

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi apa yang jumud, jumudlah - apa boleh buat? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kota Melaka pun jumud juga.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat juga pada masa yang sama saya minta tarik balik perkataan yang dia gunakan. Tarik balik, tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta duduk.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau Kota Melaka tarik balik 'jumud', saya pun tarik balik 'jumud'lah!

Tuan Lim Guan Eng: Dan perkataan 'mabuk'?

Seorang Ahli: Samalah!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kota Melaka pun sebut 'mabuk'. Jadi, Kota Melaka pun kena tarik balik juga.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik 'mabuk'? Hah! Itu yang penting!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah selesailah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat telah berjanji dengan saya, ini sudah lima minit!

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi kena minta masa kecederaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Satu minit lagi. Masa kecederaan. Mereka ini kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah lebih dah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini offside, you kena keluar!

Tuan Lim Guan Eng: Dia ini pun kacau. *[Ketawa]* Itulah saya rasa kalau kita

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik, dia kata Barisan Nasional orang yang tak boleh diharap! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, apa? Apa ini, tak ada standardlah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jangan main-main no, besok Hari Raya korban no!

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak ada standardlah ini. Saya rasa tak payah layan! *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah! Sila gulung!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, saya akan gulung.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung Karang, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Dia hendak jalan, saya beri jalan, tak apalah, beri satulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah tidak ada masa.

Tuan Lim Guan Eng: Saya beri satu, okay, pendek ya!

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan sedikit, dahulu kita pernah mendengar DAP ada mengutip derma, ini kes Bukit Cina, kes lawan Esso - kutip duit orang ramai. Boleh beritahu atau tidak, ke mana pergi duit DAP kutip duit orang ramai ini? *[Tepuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Kita boleh beritahu pada bila-bila masa dan kita telah beritahu banyak kali, tetapi adakah Yang Berhormat tahu bahawa pemimpin UMNO, Menteri Besar mengumpulkan wang secara terbuka dan disiarkan secara besar-besaran dalam surat khabar. Itu tak salahkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya boleh berikan bukti apa yang berlaku!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah. Ini tidak ada kena-mengena dengan akta ini, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Dia yang menimbulkan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tak payah jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebab, dia ini cari fasal. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung, dia ini yang cari fasal. Sebab itu saya harap bahawa kalau kita hendak check and balances, kita harus melantik ahli-ahli Pembangkang supaya memaksa ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional menjalankan kerjanya dan berkhidmat untuk rakyat dengan bersih, cekap dan amanah, bukanlah seperti yang berlaku sekarang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua tidak beri, saya tak boleh buat apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

Tuan Douglas Uggah Embas: *[Bangun]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak ikut berbahas?

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Bukan, saya bukan hendak response kepada apa yang berlaku, saya hendak turut serta dalam perbahasan ini. Sekejap sahaja, boleh ya?

Seorang Ahli: Tidak ada masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak ikut perbahasankah atau apa?

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Ya, hendak ikut perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau perbahasan, sila.

6.29 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Okay. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya hendak sentuh di sini, ini berkenaan dengan mutu jalan yang dibina di persimpangan Jalan Mersing ke Nita yang jaraknya lebih kurang berbelas kilometer, saya tidak ingat jumlahnya yang sebenar. Jalan ini rosak sebenarnya dan jalan ini berlubang-lubang dan telah dibetulkan pada tahun lepas tetapi mutu pembaikan jalan itu saya kira substandard.

Jalan ini di bawah JKR Johor Tenggara, saya terpaksa bawa perkara ini kerana Johor Tenggara akan dibubarkan. Dan saya berharap pihak JKR Johor Tenggara mengambil perhatian tentang perkara ini kerana penduduk di kawasan tersebut selalu merungut tentang keadaan jalan tersebut. Itu sahaja yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kerana masa sudah cukup untuk hari ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.